

D.R. 13/2011

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2011

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

ASAS PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

3. Keperibadian undang-undang yang berasingan dan keupayaan
4. Ketidakkapaian undang-undang perkongsian

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN

5. Pelantikan Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad, dsb.
6. Penubuhan perkongsian liabiliti terhad
7. Menjalankan perniagaan dengan kurang daripada pekongsi minimum
8. Perkongsian bagi amalan profesional
9. Perjanjian perkongsian liabiliti terhad
10. Permohonan pendaftaran
11. Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad
12. Kuasa untuk menolak pendaftaran
13. Nama perkongsian liabiliti terhad
14. Penempahan nama
15. Pertukaran nama perkongsian liabiliti terhad

Fasal

16. Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pertukaran nama
17. Pendaftaran perubahan butir-butir
18. Pejabat berdaftar
19. Daftar dan dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar
20. Penyiaran nama

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

21. Liabiliti terhad pekongsi
22. Liabiliti pekongsi apabila perkongsian liabiliti terhad tidak solven
23. Kuasa pekongsi untuk mengikat perkongsian liabiliti terhad
24. Pemberhentian kepentingan perkongsian
25. Kebankrapan pekongsi
26. Penyerahhakan kepentingan
27. Pegawai pematuhan
28. Kehilangan kelayakan untuk bertindak sebagai pegawai pematuhan

BAHAGIAN V

PENUKARAN KEPADA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

29. Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada perkongsian liabiliti terhad
30. Penukaran daripada syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad
31. Pernyataan hendaklah diserahkan simpan
32. Pendaftaran penukaran
33. Kesan pendaftaran
34. Prosiding yang belum selesai
35. Penerusan sabitan, arahan, perintah atau penghakiman
36. Perjanjian sedia ada
37. Kontrak sedia ada, dsb.
38. Penerusan pekerjaan
39. Pelantikan, autoriti atau kuasa sedia ada
40. Ketidapkakaan seksyen 33 hingga 39

Fasal

41. Liabiliti dan obligasi pekongsi sebelum penukaran
42. Notis penukaran dalam invoice dan surat-menyurat
43. Buku statutori, daftar, rekod sedia ada, dsb.

BAHAGIAN VI

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD ASING

44. Perkongsian liabiliti terhadap asing
45. Pendaftaran perkongsian liabiliti terhadap asing
46. Kehendak perkongsian liabiliti terhadap asing
47. Pemberhentian perniagaan di Malaysia
48. Pelikuidasian atau pembubaran perkongsian liabiliti terhadap asing di tempat pemerbadanan, penubuhan atau tempat asal

BAHAGIAN VII

PENGGULUNGAN, PEMBUBARAN DAN PEMOTONGAN

49. Penerimaan dan penggulungan oleh Mahkamah
50. Penggulungan secara sukarela
51. Kuasa Pendaftar untuk memotong perkongsian liabiliti terhadap daripada daftar
52. Pembatalan pembubaran
53. Kuasa Pendaftar untuk mewakili perkongsian liabiliti terhadap yang dibubarkan dalam hal keadaan tertentu
54. Aset yang berbaki bagi perkongsian liabiliti terhadap yang dibubarkan terletak hak pada Pendaftar

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN

55. Pemberian maklumat
56. Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan
57. Kuasa penyiasatan
58. Pengeledahan dan penyitaan dengan waran
59. Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran
60. Capaian kepada data berkomputer

Fasal

61. Waran boleh diterima walaupun cacat
62. Senarai benda yang disita
63. Pelepasan benda yang disita
64. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
65. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
66. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan
67. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

BAHAGIAN IX

AM

68. Perakuan tahunan
69. Rekod perakaunan dan rekod lain hendaklah disimpan
70. Daftar
71. Pembetulan daftar
72. Penyerahsimpanan semula dokumen berdaftar yang hilang
73. Perkhidmatan penyerahsimpanan elektronik bagi dokumen
74. Pengeluaran dokumen secara elektronik
75. Maklumat yang diperakukan oleh Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan
76. Penyampaian dokumen ke atas perkongsian liabiliti terhad
77. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, nota amalan, dsb.
78. Kuasa untuk mengambil tindakan
79. Fi
80. Kesalahan bagi pernyataan palsu dan mengelirukan
81. Kesalahan bagi penggunaan tidak wajar perkataan “Perkongsian Liabiliti Terhad”
82. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod
83. Halangan
84. Pemberian maklumat
85. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
86. Penalti am

Fasal

87. Pengkompaunan kesalahan
88. Permulaan pendakwaan
89. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
90. Perlindungan kepada pekongsi, pegawai atau pekerja tertentu yang membuat penzahiran
91. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
92. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran perkongsian liabiliti terhad dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amalan profesional” ertinya amalan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Pertama yang ditadbir oleh undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Pertama, masing-masing;

“daftar” ertinya apa-apa daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“harta”, berhubung dengan suatu perkongsian liabiliti terhad, termasuk tanah, wang, barangan, hak dalam tindakan, nama baik, dan tiap-tiap benda berharga, sama ada zahir atau tak zahir, alih atau tak alih, dan sama ada terletak di Malaysia atau di tempat lain dan termasuk juga obligasi, servitud, dan tiap-tiap perihal estet, kepentingan dan keuntungan, pada masa sekarang atau hadapan, terletak hak atau kontingen, yang timbul atau bersampingan dengan harta itu;

“Ketua Pengarah Insolvensi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];

“Ketua Pengarah Kastam dan Eksais” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“Lembaga Hasil Dalam Negeri” ertinya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*];

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang hakim Mahkamah Tinggi;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri;

“pekongsi”, berhubung dengan suatu perkongsian liabiliti terhad, ertinya mana-mana orang yang diterima masuk sebagai seorang pekongsi dalam perkongsian liabiliti terhad itu mengikut perjanjian perkongsian liabiliti terhad, dan termasuk pekongsi bergaji sama ada pekongsi itu merupakan seorang pekerja perkongsian liabiliti terhad itu atau tidak;

“pelikuidasi yang diluluskan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan termasuk Ketua Pengarah Insolvensi apabila bertindak sebagai pelikuidasi bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad;

“pembahagian” ertinya pembahagian dividen, keuntungan, pemulangan atau pembayaran balik modal oleh perkongsian liabiliti terhad, sama ada dalam bentuk tunai atau barang-barang;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad yang ditetapkan di bawah subseksyen 5(1) dan termasuk mana-mana Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah subseksyen 5(2);

“perakuan tahunan” ertinya suatu perakuan yang dikehendaki untuk diserahkan oleh perkongsian liabiliti terhad di bawah seksyen 68;

“perjanjian perkongsian liabiliti terhad”, berhubung dengan suatu perkongsian liabiliti terhad, ertinya suatu perjanjian bertulis antara pekongsi-pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu atau antara perkongsian liabiliti terhad itu dengan pekongsi-pekongsinya yang menentukan hak dan kewajipan pekongsi sesama mereka dan hak dan kewajipan mereka berhubung dengan perkongsian liabiliti terhad itu;

“perkongsian konvensional” ertinya suatu perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*] dan suatu perkongsian yang ditubuhkan oleh dua orang atau lebih bagi maksud menjalankan apa-apa amalan profesional;

“perkongsian liabiliti terhad” ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah seksyen 11 atau suatu perkongsian liabiliti terhad asing yang didaftarkan di bawah seksyen 45;

“pertubuhan perbadanan” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau diperbadankan atau wujud di Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuk mana-mana syarikat asing, perkongsian liabiliti terhad dan perkongsian liabiliti terhad asing yang didaftarkan di bawah Akta ini tetapi tidak termasuk—

- (a) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di Malaysia dan yang melalui notis Menteri yang disiarkan dalam *Warta* diisytiharkan sebagai suatu pihak berkuasa awam atau suatu perantaraan atau agensi bagi Kerajaan Malaysia atau bagi mana-mana Negeri atau menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan bukan bagi maksud komersial;
- (b) mana-mana perbadanan seorang;

- (c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertubuhan koperasi; dan
- (d) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614];

“syarikat persendirian” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965;

“tahun kewangan” ertinya tempoh yang berkenaan dengannya apa-apa akaun untung dan rugi bagi perkongsian liabiliti terhad dibuat, sama ada tempoh itu ialah satu tahun atau tidak.

BAHAGIAN II

ASAS PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Keperibadian undang-undang yang berasingan dan keupayaan

3. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan hendaklah mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada perkongsinya.

(2) Suatu perkongsian liabiliti terhad adalah kekal turun temurun.

(3) Apa-apa perubahan dalam perkongsian sesuatu perkongsian liabiliti terhad tidak akan menjejaskan kewujudan, hak atau liabiliti perkongsian liabiliti terhad itu.

(4) Suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah mempunyai keupayaan yang tidak terhad dan berupaya untuk—

- (a) membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya;
- (b) memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta; dan

- (c) melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan dan benda lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah oleh pertubuhan perbadanan.

Ketidapkakaian undang-undang perkongsian

4. Peruntukan Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*], dan rukun ekuiti dan *common law* yang terpakai bagi perkongsian, tidak terpakai bagi suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN

Pelantikan Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad, dsb.

5. (1) Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya hendaklah menjadi Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad.

(2) Suruhanjaya boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukannya, daripada kalangan orang yang dalam penggajian Suruhanjaya apa-apa bilangan Penolong Pendaftar atau pekerja lain bagi pentadbiran Akta ini yang sewajarnya, dan boleh membatalkan pelantikan mana-mana orang yang dilantik sedemikian.

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Pendaftar dan kepada apa-apa sekatan dan had yang ditetapkan, apa-apa jua yang dilantik atau diberi kuasa atau dikehendaki oleh Akta ini untuk dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar boleh dilakukan atau ditandatangani oleh mana-mana Penolong Pendaftar dan hendaklah sah dan mempunyai kesan seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

(4) Tiada seseorang pun yang berurusan dengan Penolong Pendaftar perlu mengambil berat untuk melihat atau bertanya sama ada apa-apa sekatan atau had telah ditetapkan, dan tiap-tiap perbuatan atau peninggalan oleh Penolong Pendaftar setakat yang menjejaskan mana-mana orang sedemikian hendaklah sah dan mempunyai kesan seolah-olah telah dilakukan atau ditinggalkan oleh Pendaftar.

Penubuhan perkongsian liabiliti terhad

6. Tertakluk kepada seksyen 7 dan 8, mana-mana dua orang atau lebih, yang terdiri daripada, keseluruhannya atau sebahagiannya, orang perseorangan atau pertubuhan perbadanan, yang bersekutu untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sah dengan tujuan mendapatkan keuntungan boleh menubuhkan suatu perkongsian liabiliti terhad mengikut terma-terma perjanjian perkongsian liabiliti terhad itu.

Menjalankan perniagaan dengan kurang daripada pekongsi minimum

7. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad boleh menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar apabila dipohon oleh pekongsi yang tinggal, dengan syarat bahawa tempoh yang dilanjutkan oleh Pendaftar itu tidak melebihi satu tahun.

(2) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi bagi suatu tempoh yang lebih lama daripada tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), seseorang hendaklah, walau apa pun subseksyen 21(1) dan (2), bertanggung sendiri, bersesama dan berasingan dengan perkongsian liabiliti terhad itu, bagi apa-apa obligasi perkongsian liabiliti terhad itu yang ditanggung selama tempoh perkongsian liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan sedemikian selepas tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) jika, pada masa obligasi itu ditanggung, orang itu—

- (a) merupakan seorang pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa perkongsian liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi bagi tempoh yang lebih lama daripada tempoh yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi bagi suatu tempoh yang lebih lama daripada tempoh yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) orang yang merupakan pekongsi selama tempoh yang perkongsian liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan sedemikian selepas tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) dan mengetahui hakikat bahawa perkongsian liabiliti terhad itu menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi selama tempoh itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(4) Apabila perkongsian liabiliti terhad disabitkan di bawah subseksyen (3), mahkamah boleh memerintahkan perkongsian liabiliti terhad itu dibubarkan dan namanya dipotong daripada daftar.

Perkongsian bagi amalan profesional

8. Suatu perkongsian liabiliti terhad boleh ditubuhkan bagi maksud menjalankan suatu amalan profesional yang pekongsinya hendaklah—

- (a) terdiri daripada orang sebenar yang menjalankan amalan profesional yang sama dan tiada orang lain; dan
- (b) mempunyai perlindungan insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa bagi suatu amaun yang tidak kurang daripada amaun—
 - (i) yang diluluskan oleh Pendaftar; atau
 - (ii) dalam hal jika amalan profesional itu ditadbirkan oleh suatu badan pentadbir yang dinyatakan di bawah ruang ketiga Jadual Pertama, yang diluluskan oleh Pendaftar selepas berunding dengan badan pentadbir itu.

Perjanjian perkongsian liabiliti terhad

9. (1) Kecuali diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, hak dan kewajiban bersama pekongsi perkongsian liabiliti terhad, dan hak dan kewajiban bersama pekongsian liabiliti terhad dan pekongsinya, hendaklah ditentukan—

- (a) oleh perjanjian perkongsian liabiliti terhad; dan
- (b) jika tiada perjanjian mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, oleh mana-mana peruntukan yang berhubung dengan perkara itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Perjanjian perkongsian liabiliti terhad hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, dan hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama perkongsian liabiliti terhad itu;
- (b) jenis perniagaan perkongsian liabiliti terhad itu;
- (c) amaun sumbangan modal oleh setiap pekongsi; dan
- (d) bahawa pekongsi bersetuju untuk menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu.

Permohonan pendaftaran

10. (1) Seseorang boleh memohon bagi pendaftaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad kepada Pendaftar dan permohonan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan dan apa-apa dokumen yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk suatu pernyataan yang ditandatangani oleh tiap-tiap orang yang akan menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu yang mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama perkongsian liabiliti terhad yang dicadangkan itu;
- (b) jenis am perniagaan yang dicadangkan bagi perkongsian liabiliti terhad itu;
- (c) pejabat berdaftar yang dicadangkan bagi perkongsian liabiliti terhad itu;

- (d) nama, kewarganegaraan dan tempat tinggal yang biasa bagi tiap-tiap orang yang akan menjadi pekongsi dan, jika mana-mana pekongsi ialah suatu pertubuhan perbadanan, nama perbadanan, tempat diperbadankan, ditubuhkan atau tempat asal, nombor pendaftaran dan pejabat berdaftar pertubuhan perbadanan itu;
- (e) nama, kewarganegaraan dan tempat tinggal yang biasa bagi tiap-tiap orang yang akan menjadi pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (f) apa-apa maklumat berkaitan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad ditubuhkan bagi maksud menjalankan apa-apa amalan profesional, permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertai dengan surat kelulusan daripada badan pentadbir yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Pertama, jika berkenaan.

(4) Pendaftar boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki pernyataan dan surat kelulusan yang disebut dalam subseksyen (2) dan (3) masing-masing, ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad

11. (1) Apabila berpuas hati bahawa permohonan di bawah seksyen 10 telah mematuhi kehendak pendaftaran di bawah Akta ini, Pendaftar hendaklah—

- (a) mendaftar perkongsian liabiliti terhad itu dan memperuntukkan suatu nombor pendaftaran bagi perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) mengeluarkan suatu notis pendaftaran dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Pada dan dari tarikh pendaftaran yang dinyatakan dalam notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), hendaklah wujud suatu perkongsian liabiliti terhad dengan nama dan nombor pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Notis pendaftaran di bawah subseksyen (1) adalah keterangan muktamad bahawa kehendak Akta ini berkenaan dengan pendaftaran telah dipatuhi dan bahawa perkongsian liabiliti terhad itu telah didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini.

(4) Apabila dipohon oleh suatu perkongsian liabiliti terhad dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, Pendaftar boleh mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada perkongsian liabiliti terhad itu dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(5) Pendaftaran mana-mana perkongsian liabiliti terhad tidak boleh dikira sebagai menandakan bahawa kehendak bagi mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berhubungan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh perkongsian liabiliti terhad itu telah dipatuhi.

Kuasa untuk menolak pendaftaran

12. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, Pendaftar hendaklah menolak untuk mendaftarkan suatu perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta ini jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pendaftaran perkongsian liabiliti terhad itu akan bertentangan dengan kepentingan atau keselamatan negara; atau
- (b) perniagaan yang dicadangkan itu berkemungkinan akan digunakan bagi —
 - (i) maksud kebajikan;
 - (ii) maksud yang menyalahi undang-undang; atau
 - (iii) maksud yang menjejaskan ketenteraman awam, kebajikan atau keadaan baik atau kemoralan di Malaysia.

(2) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar di bawah subseksyen (1) boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

Nama perkongsian liabiliti terhad

13. (1) Nama sesuatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah berakhir dengan perkataan “Perkongsian Liabiliti Terhad” atau singkatan “PLT”.

(2) Kecuali dengan kebenaran Menteri, perkongsian liabiliti terhad tidak boleh didaftarkan di bawah suatu nama yang pada pendapat Pendaftar adalah—

- (a) tidak diinginkan;
- (b) sama dengan suatu pertubuhan perbadanan atau perniagaan yang sedia ada;
- (c) sama dengan suatu nama yang ditempah di bawah Akta ini atau Akta Syarikat 1965; atau
- (d) sejenis nama yang Pendaftar telah diarahkan oleh Menteri untuk tidak diterima bagi pendaftaran.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* apa-apa arahan yang disebut dalam perenggan (2)(d).

Penempahan nama

14. (1) Seseorang boleh memohon kepada Pendaftar bagi penempahan sesuatu nama sebagai—

- (a) nama bagi perkongsian liabiliti terhad yang dicadangkan itu sebelum pendaftarannya; atau
- (b) nama yang baginya suatu perkongsian liabiliti terhad bercadang untuk menukarkan namanya di bawah seksyen 15.

(2) Apabila berpuas hati bahawa nama itu bukan satu nama yang boleh ditolak atas apa-apa alasan yang disebut dalam subseksyen 13(2) dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar boleh menyimpan nama itu selama tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahsimpanan permohonan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar.

Pertukaran nama perkongsian liabiliti terhad

15. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad boleh menukarkan namanya kepada suatu nama yang boleh diterima oleh Pendaftar mengikut seksyen 13.

(2) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad menukarkan namanya di bawah seksyen ini, Pendaftar hendaklah—

- (a) memasukkan nama baru itu ke dalam daftar untuk menggantikan nama terdahulu; dan
- (b) mengeluarkan suatu notis pengesahan bagi pertukaran nama itu.

(3) Pertukaran nama di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh notis pengesahan dikeluarkan di bawah perenggan (2)(b).

(4) Suatu pertukaran nama perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta ini tidak akan—

- (a) menjejaskan apa-apa hak atau obligasi perkongsian liabiliti terhad itu; atau
- (b) mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad itu.

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang mungkin diteruskan atau dimulakan terhadap perkongsian liabiliti terhad itu dengan nama terdahulunya boleh diteruskan atau dimulakan terhadap perkongsian liabiliti terhad itu dengan nama baharunya.

Kuasa Pendaftar untuk menghendaki pertukaran nama

16. (1) Pendaftar boleh mengarahkan suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menukarkan namanya, jika pada pendapatnya, nama yang dengannya perkongsian liabiliti terhad itu didaftarkan ialah nama yang dilarang daripada didaftarkan di bawah subseksyen 13(2).

(2) Jika suatu arahan dikeluarkan di bawah subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah mematuhi arahan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh arahan itu atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar.

(3) Mana-mana perkongsian liabiliti terhad yang tidak mematuhi arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pendaftaran perubahan butir-butir

17. (1) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku dalam butir-butir yang didaftarkan bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah memberitahu Pendaftar tentang perubahan sedemikian dalam masa empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pendaftar atas permohonan.

(2) Pendaftar boleh, apabila pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (1) diterima dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, mendaftarkan perubahan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana orang yang berhenti menjadi pekongsi dalam perkongsian liabiliti terhad dengan semunasabahnya mempercayai bahawa perkongsian liabiliti terhad itu tidak memberitahu hakikat mengenai pemberhentian itu kepada Pendaftar pekongsi itu boleh menyerah simpan pemberitahuan pemberhentian itu dengan pendaftar.

(4) Pendaftar boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki pemberitahuan yang diserahkan di bawah subseksyen (1) untuk dibetulkan oleh perkongsian liabiliti terhad itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(5) Suatu perkongsian liabiliti terhad yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pejabat berdaftar

18. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah pada setiap masa mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia yang kepadanya semua komunikasi dan notis boleh dialamatkan.

(2) Suatu perkongsian liabiliti terhad boleh menukarkan alamat pejabat berdaftaranya dari semasa ke semasa dengan menyerah simpan suatu notis pertukaran dengan Pendaftar mengikut seksyen 17.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), sehingga berakhirnya tempoh tiga puluh hari bermula dari tarikh pertukaran alamat bagi perkongsian liabiliti terhad itu didaftarkan, seseorang boleh menyampaikan apa-apa dokumen secara sah kepada perkongsian liabiliti terhad itu di pejabat berdaftaranya yang terdahulu.

(4) Suatu perkongsian liabiliti terhad dan pekongsinya yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Daftar dan dokumen hendaklah disimpan di pejabat berdaftar

19. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah menyimpan di pejabat berdaftaranya—

- (a) notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah perenggan 11(1)(b);
- (b) suatu daftar bagi nama dan alamat setiap pekongsi dan pegawai pematuhan;
- (c) suatu salinan perakuan tahunan yang terkini;
- (d) suatu salinan apa-apa penyata yang diserahkan simpan dengan Pendaftar di bawah Akta ini;
- (e) suatu salinan apa-apa perakuan, jika ada, yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Akta ini;
- (f) suatu salinan perjanjian perkongsian liabiliti terhad dan apa-apa pindaan kepada perjanjian itu;
- (g) suatu salinan apa-apa instrumen yang berhubung dengan apa-apa gadaian yang dibuat oleh perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (h) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar, dari semasa ke semasa, untuk disimpan.

(2) Dokumen yang disimpan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan dan penyalinan semasa waktu perniagaan biasa atas permintaan seorang pekongsi.

(3) Suatu perkongsian liabiliti terhad yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Penyiaran nama

20. (1) Setiap perkongsian liabiliti terhad hendaklah mempamerkan nama dan nombor pendaftarannya di luar pejabat berdaftar dan tempat perniagaannya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh, apabila dipohon oleh perkongsian liabiliti terhad, mengecualikan perkongsian liabiliti terhad itu daripada kesemua atau apa-apa kehendak di bawah subseksyen (1) jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah tidak praktikal bagi perkongsian liabiliti terhad itu untuk berbuat demikian.

(3) Nama dan nombor pendaftaran perkongsian liabiliti terhad hendaklah terdapat pada tiap-tiap kepala surat, invois, bil, penyiaran termasuk perantara elektronik, laman sesawang atau dokumen rasmi yang lain yang dikeluarkan oleh perkongsian liabiliti terhad itu.

(4) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad telah menukarkan namanya di bawah seksyen 15, nama terdahulu perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah terdapat di bawah namanya sekarang pada setiap kepala surat, invois, bil, penyiaran termasuk perantara elektronik, laman sesawang atau dokumen rasmi yang lain yang dikeluarkan oleh perkongsian liabiliti terhad itu bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh penukaran itu.

(5) Suatu perkongsian liabiliti terhad yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

BAHAGIAN IV

PENGURUSAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Liabiliti terhadap pekongsi

21. (1) Apa-apa obligasi perkongsian liabiliti terhadap sama ada berbangkit daripada kontrak, tort atau selainnya, ialah obligasi perkongsian liabiliti terhadap itu semata-mata.

(2) Seseorang pekongsi tidak bertanggung sendiri, secara langsung atau tidak langsung, melalui tanggungan rugi, sumbangan, penaksiran atau selainnya, bagi obligasi yang disebut dalam subseksyen (1) semata-mata atas sebab menjadi seorang pekongsi bagi perkongsian liabiliti terhadap itu.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak menjejaskan liabiliti diri seseorang pekongsi dalam tort bagi perbuatan salah laku atau peninggalannya sendiri, tetapi seseorang pekongsi tidak boleh bertanggung sendiri bagi perbuatan salah laku atau peninggalan mana-mana pekongsi lain bagi perkongsian liabiliti terhadap itu.

(4) Jika seseorang pekongsi suatu perkongsian liabiliti terhadap bertanggung ke atas mana-mana orang, selain seorang pekongsi lain perkongsian liabiliti terhadap itu, akibat perbuatan salah laku atau peninggalan pekongsi itu dalam menjalankan perniagaan perkongsian liabiliti terhadap itu atau dengan kuasanya, perkongsian liabiliti terhadap itu adalah bertanggung ke takat yang sama seperti pekongsi itu.

(5) Liabiliti perkongsian liabiliti terhadap hendaklah dibayar daripada harta perkongsian liabiliti terhadap itu.

Liabiliti pekongsi apabila perkongsian liabiliti terhadap tidak solven

22. (1) Walau apa pun apa-apa jua di bawah Akta ini, seseorang pekongsi atau bekas pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhadap yang menerima suatu pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhadap itu—

(a) apabila perkongsian liabiliti terhadap itu tidak solven dan mengetahui atau sepatutnya mengetahui pada masa pembahagian itu bahawa perkongsian liabiliti terhadap itu tidak solven; atau

- (b) yang mengakibatkan perkongsian liabiliti terhad itu menjadi tidak solven dan mengetahui atau sepatutnya mengetahui pada masa pembahagian itu bahawa perkongsian liabiliti terhad itu akan menjadi tidak solven akibat pembahagian itu,

hendaklah bertanggung sendiri ke atas perkongsian liabiliti terhad itu bagi amaun atau nilai pembahagian itu jika pembahagian itu diterima dalam tempoh dua tahun sebelum permulaan penggulungan perkongsian liabiliti terhad itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) suatu perkongsian liabiliti terhad adalah tidak solven jika perkongsian liabiliti terhad itu, pada masa itu, tidak berupaya untuk membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan; dan
- (b) seseorang pekongsi atau bekas pekongsi hendaklah disifatkan telah menerima suatu pembahagian jika pembahagian itu diterima oleh pemegang serah hak atau penama pekongsi atau bekas pekongsi itu.

Kuasa pekongsi untuk mengikat perkongsian liabiliti terhad

23. (1) Tiap-tiap pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad ialah ejen bagi perkongsian liabiliti terhad itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu perkongsian liabiliti terhad tidak terikat dengan apa-apa jua yang dilakukan oleh pekongsi dalam berurusan dengan seseorang jika—

- (a) pekongsi itu bertindak tanpa kuasa; dan
- (b) orang yang dengannya pekongsi itu berurusan—
 - (i) mengetahui bahawa pekongsi itu tidak mempunyai kuasa; atau
 - (ii) tidak mengetahui bahawa pekongsi itu ialah pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu.

(3) Jika seseorang telah berhenti menjadi seorang pekongsi suatu perkongsian liabiliti terhad, bekas pekongsi itu hendaklah dianggap, berhubung dengan mana-mana orang yang berurusan dengan perkongsian liabiliti terhad itu, masih menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu melainkan jika—

- (a) orang yang berurusan dengan perkongsian liabiliti terhad itu mengetahui bahawa bekas pekongsi itu telah berhenti menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu; atau
- (b) suatu notis bahawa bekas pekongsi itu telah berhenti menjadi pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu telah diserahkan dengan Pendaftar oleh perkongsian liabiliti terhad itu atau bekas pekongsi itu.

(4) Bagi maksud subsekyen (2), tiada seorang pun yang disifatkan mempunyai notis tentang apa-apa kekurangan kuasa seseorang pekongsi hanya atas sebab bahawa hakikat itu dijadikan tersedia oleh Pendaftar untuk diperiksa.

Pemberhentian kepentingan perkongsian

24. (1) Seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad boleh berhenti menjadi pekongsi—

- (a) mengikut perjanjian perkongsian liabiliti terhad itu; atau
- (b) jika tiada perjanjian sedemikian, dengan pekongsi itu memberikan notis tiga puluh hari kepada pekongsi lain tentang niat pekongsi itu untuk meletakkan jawatan sebagai pekongsi.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1)—

- (a) seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad hendaklah berhenti menjadi pekongsi apabila pekongsi itu meninggal dunia atau dibubarkan; dan
- (b) dalam hal perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan bagi maksud menjalankan apa-apa amalan profesional, seseorang pekongsi hendaklah terhenti menjadi pekongsi jika pekongsi itu telah hilang kelayakan untuk menjalankan amalan profesional di bawah undang-undang yang mentadbir yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Pertama.

(3) Jika seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad terhenti menjadi pekongsi, melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad, pekongsi itu, wakil dirinya atau pelikuidasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berhak untuk menerima suatu amaun daripada perkongsian liabiliti terhad itu—

- (a) yang bersamaan dengan sumbangan modal bekas pekongsi itu kepada perkongsian liabiliti terhad itu dan hak bekas pekongsi itu untuk berkongsi dalam keuntungan terkumpul perkongsian liabiliti terhad itu selepas ditolak kerugian perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) yang ditentukan pada tarikh bekas pekongsi itu terhenti menjadi pekongsi.

(4) Jika seseorang pekongsi terhenti menjadi pekongsi, pekongsi itu, atau wakil dirinya atau pelikuidasinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memberhentikan penglibatan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu.

(5) Mana-mana bekas pekongsi, atau wakil diri atau pelikudasi bekas pekongsi itu yang tidak mematuhi subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

Kebankrapan pekongsi

25. (1) Jika seseorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad dihukum bankrap—

- (a) kebankrapannya tidak akan dengan sendirinya menyebabkan pekongsi itu terhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu;
- (b) Ketua Pengarah Insolvensi atau pemegang amanah estet pekongsi bankrap itu berhak untuk menerima pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad itu yang pekongsi bankrap itu berhak untuk menerima di bawah perjanjian perkongsian liabiliti terhad; dan
- (c) pekongsi bankrap, Ketua Pengarah Insolvensi atau pemegang amanah estet bagi pekongsi bankrap itu tidak boleh campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), seseorang pekongsi bankrap boleh mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu—

- (a) dengan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi; atau
- (b) dengan kebenaran Mahkamah dengan syarat bahawa suatu notis tentang niat untuk memohon kebenaran telah disampaikan kepada Ketua Pengarah Insolvensi dan Ketua Pengarah Insolvensi didengar pada permohonan itu.

(3) Seseorang pekongsi bankrap yang dihukum bankrap di luar Malaysia tidak boleh mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad melainkan jika kebenaran telah diperoleh daripada Mahkamah.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perenggan (1)(c) atau subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Penyerahhakan kepentingan

26. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad, seseorang pekongsi boleh menyerahhakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kepentingan pekongsi itu dalam pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad itu tetapi hanya setakat yang berhak untuk diterima oleh pekongsi itu.

(2) Sesuatu penyerahhakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh dengan sendirinya—

- (a) menyebabkan pekongsi itu terhenti menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu; dan
- (b) memberi hak kepada pemegang serah hak untuk campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu.

Pegawai pematuhan

27. (1) Suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya atau orang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965 yang—

(a) merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan

(b) kebiasaannya tinggal di Malaysia.

(2) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad hendaklah memastikan bahawa butir-butir bagi tiap-tiap orang yang bertindak sebagai pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhad itu dan persetujuannya untuk bertindak sedemikian diserahkan dengan Pendaftar.

(3) Pegawai pematuhan hendaklah memberikan notis secara bertulis tentang niatnya untuk mengosongkan jawatan kepada perkongsian liabiliti terhad itu.

(4) Apabila notis di bawah subseksyen (3) diberikan, pegawai pematuhan boleh menyerahkan simpan notis tentang niatnya untuk mengosongkan jawatan dengan Pendaftar.

(5) Jika pegawai pematuhan telah menyerahkan simpan notis kepada Pendaftar di bawah subseksyen (4), pegawai pematuhan itu hendaklah berhenti menjadi pegawai pematuhan perkongsian liabiliti terhad itu apabila habis tempoh satu bulan dari tarikh penyerahsimpanan notis itu.

(6) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, jika tiada pegawai pematuhan dilantik maka kesemua pekongsi hendaklah disifatkan sebagai pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhad itu.

(7) Seseorang pegawai pematuhan hendaklah—

(a) bertanggungjawab terhadap pelakuan bagi semua perbuatan, perkara dan benda yang dikehendaki untuk dilakukan oleh perkongsian liabiliti terhad itu di bawah seksyen 17, 19 dan 20; dan

(b) bertanggung sendiri terhadap semua penalti termasuk penalti pentadbiran yang dikenakan ke atas perkongsian liabiliti terhad itu bagi apa-apa pelanggaran terhadap

seksyen-seksyen itu melainkan jika pegawai pematuhan itu memuaskan hati mahkamah yang mendengar perkara itu bahawa dia tidak sepatutnya bertanggung sedemikian.

(8) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad mempunyai lebih daripada seorang pegawai pematuhan—

- (a) apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini untuk dilakukan oleh pegawai pematuhan itu boleh dilakukan oleh salah seorang daripada pegawai pematuhan itu; dan
- (b) apa-apa jua yang menjadi suatu kesalahan oleh pegawai pematuhan itu di bawah Akta ini menjadi suatu kesalahan oleh setiap pegawai pematuhan itu.

Kehilangan kelayakan untuk bertindak sebagai pegawai pematuhan

28. (1) Seseorang tidak boleh bertindak sebagai pegawai pematuhan jika—

- (a) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (b) dia hilang kelayakan untuk bertindak sebagai pengarah atau setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PENUKARAN KEPADA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada perkongsian liabiliti terhad

29. (1) Sesuatu perkongsian konvensional boleh bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad jika dan hanya jika pekongsi perkongsian liabiliti terhad yang kepadanya perkongsian konvensional itu akan ditukarkan, terdiri daripada semua pekongsi perkongsian konvensional itu dan tiada orang lain.

(2) Dalam Bahagian ini, “bertukar”, berhubung dengan sesuatu perkongsian konvensional yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad, ertinya suatu pemindahan hakmilik harta, kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan perusahaan perkongsian konvensional itu kepada perkongsian liabiliti terhad.

Penukaran daripada syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad

30. (1) Sesuatu syarikat persendirian boleh bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad jika dan hanya jika—

- (a) tiada kepentingan sekuriti dalam asetnya yang wujud atau berkuat kuasa pada masa permohonan itu; dan
- (b) pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu yang kepadanya syarikat persendirian itu akan ditukarkan terdiri daripada semua pemegang syer syarikat persendirian itu dan tiada orang lain.

(2) Dalam Bahagian ini, “bertukar”, berhubung dengan syarikat persendirian yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad, ertinya suatu pemindahan hakmilik harta, kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan perusahaan syarikat persendirian itu kepada perkongsian liabiliti terhad.

Pernyataan hendaklah diserahkan simpan

31. (1) Sesuatu perkongsian konvensional boleh memohon untuk bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad dengan menyerahkan simpan dengan Pendaftar—

- (a) suatu pernyataan yang ditandatangani oleh semua pekongsinya dalam perantara dan bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar yang mengandungi butir-butir yang berikut:
 - (i) nama dan nombor pendaftaran perkongsian konvensional itu, jika berkenaan;
 - (ii) tarikh perkongsian konvensional itu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; dan

(iii) bahawa pada tarikh permohonan, perkongsian konvensional itu didapati boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan; dan

(b) suatu pernyataan dan surat kelulusan yang disebut dalam subseksyen 10(2) dan (3), masing-masing.

(2) Suatu syarikat persendirian boleh memohon untuk bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad dengan menyerahkan simpan dengan Pendaftar—

(a) suatu pernyataan yang ditandatangani oleh semua pemegang syernya dalam perantara dan bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar yang mengandungi butir-butir yang berikut:

(i) nama dan nombor pendaftaran syarikat persendirian itu;

(ii) tarikh syarikat persendirian itu diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;

(iii) bahawa pada tarikh permohonan, syarikat persendirian itu didapati boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan;

(iv) bahawa pada tarikh permohonan, semua fi statutori yang tertunggak atau apa-apa amaun yang terhutang kepada mana-mana agensi kerajaan telah dijelaskan;

(v) bahawa syarikat persendirian itu telah menyiarkan suatu iklan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan suatu pemberitahuan dalam *Warta* tentang niatnya untuk bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad; dan

(vi) bahawa semua pemiutangnya telah bersetuju dengan permohonan untuk bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad; dan

(b) suatu pernyataan yang disebut dalam subseksyen 10(2).

(3) Pendaftar boleh, dalam mana-mana hal tertentu, menghendaki pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2) ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

Pendaftaran penukaran

32. (1) Apabila diterima pernyataan daripada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian di bawah seksyen 31, Pendaftar boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mendaftarkan perkongsian liabiliti terhad itu dan mengeluarkan suatu notis pendaftaran dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar yang menyatakan bahawa perkongsian liabiliti terhad itu adalah, pada dan dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki Pendaftar untuk mendaftarkan sesuatu perkongsian liabiliti terhad jika Pendaftar tidak berpuas hati dengan butir-butir atau maklumat lain yang diberikan di bawah peruntukan Akta ini.

Kesan pendaftaran

33. (1) Pada dan dari tarikh pendaftaran—

- (a) hendaklah wujud suatu perkongsian liabiliti terhad dengan nama yang dinyatakan dalam notis pendaftaran, dengan semua sifat yang diperihalkan dalam Bahagian II Akta ini dan tertakluk kepada peruntukan Akta ini;
- (b) semua harta yang terletak hak pada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, semua kepentingan, hak, keistimewaan, liabiliti dan obligasi yang berhubungan dengan perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu, dan keseluruhan perusahaan perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dipindah hakmilik dan terletak hak pada perkongsian liabiliti terhad itu tanpa jaminan, tindakan atau surat ikatan lanjut;
- (c) perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu hendaklah disifatkan sebagai dibubarkan; dan
- (d) perkongsian konvensional itu, jika didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, hendaklah dikeluarkan daripada daftar perniagaan yang disenggarakan di bawah Akta itu, dan syarikat persendirian itu hendaklah dikeluarkan daripada daftar perniagaan yang disenggarakan di bawah Akta Syarikat 1965.

(2) Jika mana-mana harta yang baginya perenggan (1)(b) terpakai didaftarkan dengan suatu pihak berkuasa yang berkenaan, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas tarikh pendaftaran, mengambil semua langkah perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan itu untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan itu tentang penukaran dan butir-butir perkongsian liabiliti terhad itu dalam apa-apa perantara dan bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Dalam Bahagian ini, “tarikh pendaftaran” ertinya tarikh yang dinyatakan dalam notis pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen 32(1).

Prosiding yang belum selesai

34. Semua prosiding oleh atau terhadap perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang masih belum selesai pada tarikh pendaftaran boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad itu.

Penerusan sabitan, arahan, perintah atau penghakiman

35. Apa-apa sabitan, arahan, perintah atau penghakiman yang memihak kepada atau terhadap perkongsian konvensional atau syarikat persendirian boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad itu.

Perjanjian sedia ada

36. Tiap-tiap perjanjian yang baginya perkongsian konvensional atau syarikat persendirian ialah suatu pihak sebaik sebelum tarikh pendaftaran, sama ada atau tidak bersifat sedemikian rupa sehingga hak dan liabiliti di bawah perjanjian itu boleh diserahkan, hendaklah berkuat kuasa dari hari itu seolah-olah—

- (a) perkongsian liabiliti terhad itu ialah suatu pihak kepada perjanjian sedemikian dan bukannya perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu; dan

- (b) bagi apa-apa sebutan mengenai perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah digantikan dengan sebutan mengenai perkongsian liabiliti terhad itu berkenaan dengan apa-apa jua yang hendak dilakukan pada atau selepas tarikh pendaftaran.

Kontrak sedia ada, dsb.

37. Semua surat ikatan, kontrak, skim, bon, perjanjian, permohonan, surat cara dan perkiraan yang wujud sebaik sebelum tarikh pendaftaran yang berhubungan dengan perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, atau yang baginya perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu ialah suatu pihak, hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh itu seolah-olah ia berhubungan dengan perkongsian liabiliti terhad dan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap perkongsian liabiliti terhad itu seolah-olah perkongsian liabiliti terhad itu dinamakan dalamnya atau menjadi suatu pihak baginya dan bukannya perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu.

Penerusan pekerjaan

38. Tiap-tiap kontrak pekerjaan yang baginya seksyen 36 atau 37 terpakai hendaklah terus berkuat kuasa pada atau selepas tarikh pendaftaran seolah-olah perkongsian liabiliti terhad merupakan majikan di bawah kontrak pekerjaan itu dan bukannya perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelantikan, autoriti atau kuasa sedia ada

39. (1) Tiap-tiap pelantikan perkongsian konvensional atau syarikat persendirian dalam apa-apa peranan atau sifat yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran hendaklah berkuat kuasa dan beroperasi dari tarikh itu seolah-olah perkongsian liabiliti terhad itu yang telah dilantik.

(2) Apa-apa autoriti atau kuasa yang diberikan kepada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran hendaklah berkuat kuasa dan beroperasi dari tarikh itu seolah-olah autoriti atau kuasa itu telah diberikan kepada perkongsian liabiliti terhad itu.

Ketidapkakaian seksyen 33 hingga 39

40. Seksyen 33 hingga 39 tidak terpakai bagi apa-apa kelulusan, permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad itu.

Liabiliti dan obligasi pekongsi sebelum penukaran

41. (1) Walau apa pun seksyen 33 hingga 39, tiap-tiap pekongsi perkongsian konvensional yang telah bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah terus menerus bertanggung sendiri, bersesama dan berasingan dengan perkongsian liabiliti terhad itu, bagi liabiliti dan obligasi perkongsian konvensional itu yang ditanggung sebelum penukaran itu atau yang berbangkit daripada mana-mana kontrak yang dibuat sebelum penukaran itu.

(2) Jika mana-mana pekongsi sedemikian menunaikan apa-apa liabiliti atau obligasi yang disebut dalam subseksyen (1), pekongsi itu adalah berhak, tertakluk kepada apa-apa perjanjian dengan perkongsian liabiliti terhad yang berlawanan, untuk ditanggung rugi sepenuhnya oleh perkongsian liabiliti terhad itu berkenaan dengan liabiliti atau obligasi itu.

Notis penukaran dalam invois dan surat-menyurat

42. (1) Perkongsian liabiliti terhad hendaklah memastikan bahawa bagi tempoh dua belas bulan yang bermula dari empat belas hari selepas tarikh pendaftaran, tiap-tiap invois atau surat-menyurat rasmi perkongsian liabiliti terhad itu terdapat padanya yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa perkongsian liabiliti terhad itu, dari tarikh pendaftaran, ditukarkan daripada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkongsian liabiliti terhad; dan
- (b) nama dan nombor pendaftaran, jika terpakai, bagi perkongsian konvensional atau syarikat persendirian itu yang daripadanya perkongsian liabiliti terhad itu ditukarkan.

(2) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Buku statutori, daftar, rekod sedia ada, dsb.

43. (1) Semua buku statutori, daftar dan rekod lain yang dikehendaki untuk disenggarakan atau disimpan oleh syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah dipindahkan hakmilik kepada perkongsian liabiliti terhadap itu dan disimpan di pejabat berdaftarnya bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh pendaftaran.

(2) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap dan tiap-tiap pekongsi perkongsian liabiliti terhadap itu yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

BAHAGIAN VI

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD ASING

Perkongsian liabiliti terhadap asing

44. (1) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap asing tidak boleh menjalankan perniagaan di Malaysia melainkan jika ia didaftarkan sebagai perkongsian liabiliti terhadap asing di bawah Akta ini.

(2) Sesuatu perkongsian liabiliti terhadap asing tidak dianggap sebagai menjalankan perniagaan di Malaysia hanya atas sebab bahawa di Malaysia perkongsian liabiliti terhadap asing itu menjalankan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran perkongsian liabiliti terhad asing

45. (1) Bagi maksud pendaftaran suatu perkongsian liabiliti terhad asing, sebagai tambahan kepada kehendak di bawah seksyen 10, perkongsian liabiliti terhad asing itu hendaklah menyerahkan simpan dengan Pendaftar—

- (a) suatu salinan terperaku perakuan pendaftaran atau apa-apa dokumen serupa yang lain di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau tempat asalnya; dan
- (b) suatu salinan terperaku piagamnya atau instrumen yang menetapkan perlembagaannya, jika ada.

(2) Apabila berpuas hati bahawa kehendak Akta ini telah dipatuhi dan apabila fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah—

- (a) mendaftarkan perkongsian liabiliti terhad asing itu dan memperuntukkan suatu nombor pendaftaran bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu; dan
- (b) mengeluarkan satu notis pendaftaran dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

Kehendak perkongsian liabiliti terhad asing

46. (1) Walau apa pun apa-apa jua di bawah Akta ini, suatu perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah melantik pada setiap masa sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya atau orang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965 yang—

- (a) merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia; dan
- (b) kebiasaannya tinggal di Malaysia.

(2) Suatu perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah memastikan bahawa butir-butir bagi tiap-tiap orang yang bertindak sebagai pegawai pematuhan perkongsian liabiliti terhad asing itu dan persetujuannya untuk bertindak sedemikian diserahkan simpan dengan Pendaftar.

(3) Pegawai pematuhan hendaklah memberikan notis secara bertulis tentang niatnya untuk mengosongkan jawatan kepada perkongsian liabiliti terhad asing itu.

(4) Apabila notis di bawah subseksyen (3) diberikan, pegawai pematuhan itu boleh menyerahkan simpan suatu notis tentang niatnya untuk mengosongkan jawatan dengan Pendaftar.

(5) Jika pegawai pematuhan telah menyerahkan simpan notis di bawah subseksyen (4), pegawai pematuhan itu hendaklah berhenti menjadi pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu apabila habis tempoh satu bulan dari tarikh penyerahsimpanan notis itu.

(6) Suatu perkongsian liabiliti terhad asing dan tiap-tiap pekongsi perkongsian liabiliti terhad asing itu yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(7) Suatu perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia yang kepadanya semua komunikasi dan notis boleh dialamatkan.

(8) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah seksyen 19, perkongsian liabiliti terhad asing itu hendaklah menyimpan di pejabat berdaftar dokumen yang berikut:

- (a) suatu salinan terperaku perakuan pendaftaran atau apa-apa dokumen serupa yang lain di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau tempat asalnya; dan
- (b) suatu salinan terperaku piagamnya atau instrumen yang menetapkan perlembagaannya, jika ada.

(9) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah menyerahkan simpan dengan Pendaftar suatu perakuan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 68(1) secara tahunan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ulang tahun pendaftarannya di bawah Akta ini atau apa-apa tempoh lain yang dibenarkan oleh Pendaftar atas permohonan.

(10) Sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing yang tidak mematuhi subseksyen (9) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pemberhentian perniagaan di Malaysia

47. (1) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing terhenti mempunyai tempat perniagaan atau menjalankan perniagaan di Malaysia, perkongsian liabiliti terhad asing itu hendaklah menyerahkan simpan suatu notis tentang hakikat itu dengan Pendaftar dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh pemberhentian itu.

(2) Pemberhentian perniagaan itu hendaklah berkuat kuasa apabila notis di bawah subseksyen (1) diserahkan simpan.

(3) Pada dan dari tarikh penyerahsimpanan notis di bawah subseksyen (1), obligasi perkongsian liabiliti terhad asing itu untuk menyerahkan simpan apa-apa dokumen dengan Pendaftar hendaklah terhenti kecuali apa-apa dokumen yang sepatutnya telah diserahkan simpan sebelum tarikh itu.

(4) Pendaftar hendaklah hanya mengeluarkan nama perkongsian liabiliti terhad asing itu daripada daftar apabila habis tempoh enam bulan dari tarikh penyerahsimpanan notis di bawah subseksyen (1).

Pelikuidasian atau pembubaran perkongsian liabiliti terhad asing di tempat pemerbadanan, penubuhan atau tempat asal

48. (1) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing dilikuidasikan atau dibubarkan di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau di tempat asalnya, perkongsian liabiliti terhad asing itu hendaklah, dalam masa satu bulan selepas bermulanya pelikuidasian atau pembubaran atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pendaftar dalam hal keadaan tertentu, menyerahkan simpan atau menyebabkan supaya diserahkan simpan dengan Pendaftar—

- (a) suatu notis tentang pelikuidasian atau pembubaran itu;
- (b) jika seorang pelikuidasi asing dilantik bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau di tempat asalnya, suatu notis tentang pelantikan itu; dan
- (c) jika seorang pelikuidasi yang diluluskan dilantik bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu, suatu notis tentang pelantikan itu.

(2) Apabila notis di bawah perenggan (1)(a) diterima—

- (a) jika seorang pelikuidasi yang diluluskan telah dilantik, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta mengendors pelantikan itu; atau
- (b) jika seorang pelikuidasi yang diluluskan tidak dilantik, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta melantik seorang pelikuidasi yang diluluskan dan sehinggalah pelikuidasi yang diluluskan dilantik bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu, pelikuidasi asing yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi seorang pelikuidasi yang diluluskan.

(3) Jika perkongsian liabiliti terhad asing tidak menyerah simpan notis di bawah perenggan (1)(a), Pendaftar boleh, pada bila-bila masa selepas itu, melantik seorang pelikuidasi yang diluluskan bagi perkongsian liabiliti terhad asing itu.

(4) Apabila pelantikan diendors atau pelikuidasi yang diluluskan dilantik di bawah subseksyen (2), atau pelikuidasi yang diluluskan dilantik di bawah subseksyen (3), Mahkamah hendaklah disifatkan telah memerintahkan perkongsian liabiliti terhad asing itu digulung.

(5) Pelikuidasi yang diluluskan hendaklah mengumpulkan kesemua harta perkongsian liabiliti terhad asing yang berada atau boleh didapatkan di Malaysia dan hendaklah, apabila berbuat demikian, mempunyai segala kuasa seseorang pelikuidasi yang diluluskan bagi suatu syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.

(6) Pelikuidasi yang diluluskan hendaklah mengiklankan dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas dalam bahasa Inggeris yang menjemput semua pemiutang untuk membuat tuntutan ke atas perkongsian liabiliti terhad asing itu dalam tempoh yang tidak kurang dari tiga puluh hari dari tarikh iklan itu.

(7) Sebelum membayar atau memindahkan hakmilik apa-apa harta yang dikumpulkan di Malaysia kepada pelikuidasi asing yang disebut di bawah subseksyen (1), pelikuidasi yang diluluskan hendaklah membuat bayaran mengikut susunan yang berikut:

- (a) pertama, saraan bagi pelikuidasi yang diluluskan;
- (b) kedua, semua penalti, kos, fi dan caj yang kena dibayar dan terhutang kepada Pendaftar;

- (c) ketiga, semua upah dan gaji bagi mana-mana pekerja perkongsian liabiliti terhad asing itu, pada masa pelantikan pelikuidasi yang diluluskan itu, suatu jumlah yang tidak melebihi lima belas ribu ringgit;
- (d) keempat, semua amaun yang berkenaan dengan pampasan pekerja, skim persaraan atau kumpulan wang simpanan pekerja, atau sumbangan keselamatan sosial di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pampasan pekerja, skim persaraan atau kumpulan wang simpanan pekerja, atau sumbangan keselamatan sosial yang terakru sebelum pelantikan pelikuidasi yang diluluskan itu;
- (e) kelima, semua saraan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja yang berkenaan dengan cuti rehat, atau dalam hal kematiannya kepada mana-mana orang lain yang berhak, yang terakru berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum pelantikan pelikuidasi yang diluluskan itu; dan
- (f) keenam, amaun yang kena dibayar bagi semua cukai persekutuan yang ditaksirkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis,

dan penalti, kos, fi, caj, cukai dan hutang sedemikian hendaklah menjadi suatu tanggungan ke atas harta perkongsian liabiliti terhad asing itu sebagai keutamaan kepada semua tanggungan dan tuntutan yang lain apa jua pun.

(8) Perkongsian liabiliti terhad asing hendaklah disifatkan terus wujud di Malaysia sehinggalah penggulungan hal-ehwalnya di Malaysia diselesaikan.

BAHAGIAN VII

PENGGULUNGAN, PEMBUBARAN DAN PEMOTONGAN

Penerimaan dan penggulungan oleh Mahkamah

49. (1) Tertakluk kepada seksyen 47 dan 48—

- (a) dalam hal penerimaan sesuatu perkongsian liabiliti terhad, peruntukan Bahagian VIII (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai; dan

- (b) dalam hal penggulangan sesuatu perkongsian liabiliti terhad oleh Mahkamah, peruntukan Penggal 2 dan 4 Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulangan) 1972 [*P.U. (A) 289/1972*] hendaklah terpakai.

(2) Pemakaian Bahagian VIII dan Penggal 2 dan 4 Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965, dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulangan) 1972 di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian dan penyesuaian yang perlu, dan khususnya ubahsuaian yang berikut:

- (a) sebutan mengenai “syarikat” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perkongsian liabiliti terhad;
- (b) sebutan mengenai “pengarah” atau “anggota” sesuatu syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad;
- (c) sebutan mengenai “memorandum” dan “perkara-perkara syarikat” hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai perjanjian perkongsian sesuatu perkongsian liabiliti terhad;
- (d) sebutan mengenai “ketetapan” syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai penentuan atau keputusan perkongsian liabiliti terhad; dan
- (e) sebutan mengenai “syer” seseorang anggota syarikat hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai kepentingan mana-mana pekongsi perkongsian liabiliti terhad.

Penggulangan secara sukarela

50. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi penggulangan secara sukarela sesuatu perkongsian liabiliti terhad.

(2) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad telah terhenti beroperasi dan telah menunaikan semua hutang dan liabilitinya, seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu boleh, selepas memberikan notis mengikut subseksyen (4), memohon secara bertulis kepada Pendaftar bagi suatu perisytiharan pembubaran perkongsian liabiliti terhad itu.

(3) Sesuatu permohonan bagi pengisytiharan pembubaran hendaklah dibuat dalam masa tujuh hari dari tarikh penyiaran atau pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (4), mengikut mana-mana yang terkemudian, dan hendaklah disertai dengan—

- (a) suatu akuan berkanun yang dibuat oleh salah seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu yang menyatakan—
 - (i) bahawa perkongsian liabiliti terhad itu telah terhenti beroperasi dan telah menunaikan semua hutang dan liabilitinya, selain hutang dan liabiliti yang terhutang kepada pekongsi-pekongsinya; dan
 - (ii) bahawa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) telah diberikan mengikut subseksyen itu;
- (b) suatu salinan notis yang diberikan di bawah subseksyen (4); dan
- (c) suatu notis bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menyatakan bahawa ia tiada bantahan terhadap Pendaftar untuk membuat perisytiharan pembubaran bagi perkongsian liabiliti terhad itu.

(4) Sebelum membuat permohonan kepada Pendaftar di bawah seksyen ini, pemohon hendaklah memastikan bahawa suatu notis yang membawa maksud bahawa pemohon itu bercadang untuk memohon kepada Pendaftar bagi suatu perisytiharan pembubaran perkongsian liabiliti terhad—

- (a) telah disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar Malaysia yang diedarkan secara meluas dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar Malaysia yang diedarkan secara meluas dalam bahasa Inggeris; dan
- (b) telah dihantar melalui surat berdaftar kepada setiap pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu di alamat terakhir pekongsi itu yang diketahui.

(5) Seorang pekongsi atau pemiutang boleh membuat bantahan bertulis terhadap cadangan pembubaran perkongsian liabiliti terhad kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis itu disiarkan atau diposkan, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(6) Apabila suatu bantahan bertulis terhadap pembubaran perkongsian liabiliti terhad di bawah subseksyen (5) diterima, Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon bagi perisytiharan pembubaran itu tentang penerimaan bantahan itu dan identiti pembantah.

(7) Pendaftar boleh, melalui notis bertulis, mengisytiharkan bahawa perkongsian liabiliti terhad itu dibubarkan jika—

- (a) tiada bantahan diterima di bawah subseksyen (5);
- (b) pekongsi atau pemiutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, menarik balik bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (5); atau
- (c) Pendaftar memutuskan bahawa bantahan yang dibuat di bawah subseksyen (5) itu tiada justifikasi.

(8) Apabila pembubaran perkongsian liabiliti terhad di bawah subseksyen (7) diisytiharkan, Pendaftar hendaklah memberitahu perkongsian liabiliti terhad itu bahawa, tertakluk kepada perjanjian perkongsian liabiliti terhad, ia berhak untuk membahagikan aset lebihannya di kalangan pekongsinya mengikut hak dan kepentingan mereka masing-masing.

(9) Perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah memberitahu Pendaftar bahawa aset lebihannya telah dibahagikan mengikut subseksyen (8) dalam masa empat belas hari selepas pembahagian itu diselesaikan.

(10) Perisytiharan pembubaran di bawah subseksyen (7) hendaklah hanya berkuat kuasa apabila pemberitahuan yang disebut di bawah subseksyen (9) diterima oleh Pendaftar.

(11) Walau apa pun perisytiharan pembubaran di bawah subseksyen (7) dan pembahagian aset di bawah subseksyen (8), liabiliti perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah berterusan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah perkongsian liabiliti terhad itu tidak dibubarkan.

Kuasa Pendaftar untuk memotong perkongsian liabiliti terhad daripada daftar

51. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, jika Pendaftar mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa—

- (a) suatu perkongsian liabiliti terhad tidak menjalankan perniagaan atau tidak beroperasi;

- (b) suatu perkongsian liabiliti terhad telah melanggar Akta ini;
- (c) adalah menjejaskan kepentingan negara bagi suatu perkongsian liabiliti terhad untuk berada dalam daftar;
- (d) tiada pelikuidasi yang bertindak dalam kes penggulungan oleh Mahkamah sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 49(1)(b); atau
- (e) hal-ehwal sesuatu perkongsian liabiliti terhad telah digulung sepenuhnya di bawah seksyen 49 atau 50 dan tiada aset atau aset yang ada tidak mencukupi untuk membayar kos bagi mendapatkan perintah Mahkamah untuk membubarkan perkongsian liabiliti terhad itu,

Pendaftar boleh menyampaikan notis kepada perkongsian liabiliti terhad itu yang memberitahu bahawa namanya boleh dipotong daripada daftar melainkan jika perkongsian liabiliti terhad itu memberikan sebab kenapa namanya tidak sepatutnya dipotong daripada daftar dalam masa tiga puluh hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu atau tempoh yang lebih lama yang dilanjutkan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh memotong nama perkongsian liabiliti terhad daripada daftar selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tempoh yang lebih lama yang dilanjutkan di bawah subseksyen (1), jika Pendaftar—

- (a) menerima pengesahan daripada perkongsian liabiliti terhad itu atau pekongsinya bahawa perkongsian liabiliti terhad itu tidak lagi menjalankan perniagaan atau beroperasi;
- (b) tidak menerima jawapan daripada perkongsian liabiliti terhad itu kepada notis yang disebut dalam subseksyen (1); atau
- (c) tidak berpuas hati dengan sebab kenapa nama perkongsian liabiliti terhad itu tidak sepatutnya dipotong.

(3) Jika nama sesuatu perkongsian liabiliti terhad telah dipotong daripada daftar di bawah seksyen ini—

- (a) liabiliti bagi tiap-tiap pekongsi adalah berterusan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah nama perkongsian liabiliti terhad itu tidak dipotong; dan
- (b) perkongsian liabiliti terhad itu disifatkan telah dibubarkan.

Pembatalan pembubaran

52. (1) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad telah dibubarkan di bawah seksyen 49, 50 atau 51, mana-mana pekongsi, pemiutang atau orang yang terkilan pada bila-bila masa dalam masa dua tahun dari tarikh pembubaran itu boleh memohon kepada Mahkamah bagi pembatalan pembubaran itu atas alasan bahawa—

- (a) perkongsian liabiliti terhad itu belum menunaikan semua hutang dan liabilitinya; atau
- (b) adalah adil dan munasabah bagi pembubaran perkongsian liabiliti terhad itu dibatalkan.

(2) Jika Mahkamah berpuas hati dengan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh memerintahkan pembubaran perkongsian liabiliti terhad itu dibatalkan dan apabila salinan dimeterai perintah itu diserahkan kepada Pendaftar bagi pendaftaran, perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah disifatkan terus wujud seolah-olah ia tidak dibubarkan.

(3) Mahkamah boleh, melalui perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2), memberi apa-apa arahan dan membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya adil untuk meletakkan perkongsian liabiliti terhad itu dan semua orang lain yang terjejas oleh pembubaran itu pada kedudukan yang sama seberapa hampir yang boleh seolah-olah perkongsian liabiliti terhad itu tidak dibubarkan.

Kuasa Pendaftar untuk mewakili perkongsian liabiliti terhad yang dibubarkan dalam hal keadaan tertentu

53. (1) Pendaftar boleh mewakili suatu perkongsian liabiliti terhad yang dibubarkan di bawah seksyen 49, 50 atau 51 atau pelikuidasi yang diluluskannya untuk melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa tindakan pentadbiran untuk menjalankan, menyelesaikan atau memberi kesan kepada apa-apa urusan, transaksi atau perkara yang perkongsian liabiliti terhad itu jika masih wujud akan terikat di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menjalankan, menyelesaikan atau memberi kesan kepada urusan, transaksi atau perkara itu.

(2) Apabila Pendaftar menyempurnakan atau menandatangani apa-apa surat cara atau dokumen yang berkenaan dalam menjalankan tindakan pentadbiran di bawah subseksyen (1), Pendaftar hendaklah menyatakan bahawa dia berbuat sedemikian menurut seksyen ini

dan penyempurnaan atau tandatangan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa, kesahan dan kesan yang sama seolah-olah perkongsian liabiliti terhad itu jika masih wujud telah menyempurnakan surat cara atau dokumen itu dengan sewajarnya.

Aset yang berbaki bagi perkongsian liabiliti terhad yang dibubarkan terletak hak pada Pendaftar

54. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad dibubarkan di bawah seksyen 49, 50 atau 51 dan terdapat apa-apa harta yang berbaki yang terletak hak pada perkongsian liabiliti terhad itu atau yang baginya ia berhak atau yang ke atasnya ia mempunyai kuasa untuk melupuskan pada masa ia dibubarkan sedemikian tetapi yang tidak dikumpulkan, direalisasikan atau selainnya dilupuskan atau diuruskan oleh perkongsian liabiliti terhad itu atau pelikuidasi yang diluluskannya, harta itu hendaklah terletak hak pada Pendaftar bagi semua estet dan kepentingan dalamnya, undang-undang atau ekuiti, pada tarikh perkongsian liabiliti terhad itu dibubarkan bersama dengan semua tuntutan, hak dan remedi ke atas harta itu.

(2) Jika apa-apa tuntutan, hak atau remedi bagi pelikuidasi yang diluluskan itu boleh di bawah Akta ini dibuat, dijalankan atau digunakan hanya dengan kelulusan atau persetujuan Mahkamah atau mana-mana orang lain, Pendaftar boleh, bagi maksud seksyen ini, membuat, menjalankan atau menggunakan bagi dirinya tuntutan, hak atau remedi itu tanpa kelulusan atau persetujuan sedemikian.

(3) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, menetapkan cara bagaimana Pendaftar boleh menguruskan harta yang terletak hak padanya di bawah subseksyen (1) termasuk cara harta itu hendaklah dijual atau selainnya dilupuskan, pembiayaan kos sampingan yang ditanggung dan komisyen untuk dibayar kepada Pendaftar.

(4) Wang yang diterima oleh Pendaftar daripada penjualan atau selainnya pelupusan harta hendaklah digunakan bagi membiayai semua kos, belanja, komisyen dan fi yang bersampingan baginya, dan selepas itu lebih itu, jika ada, hendaklah diuruskan seolah-olah lebih itu ialah wang tidak dituntut di bawah undang-undang yang berhubungan dengan wang tidak dituntut.

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN

Pemberian maklumat

55. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika Pendaftar mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang—

- (a) mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pendaftar di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya; atau
- (b) berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan yang Pendaftar mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai adalah berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pendaftar di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya,

Pendaftar boleh, melalui notis bertulis, memerintahkan orang itu—

- (A) supaya memberikan apa-apa maklumat sedemikian kepada Pendaftar mengikut cara dan bentuk dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar;
- (B) supaya mengemukakan apa-apa dokumen sedemikian, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik, kepada Pendaftar mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar;
- (C) supaya membuat salinan apa-apa dokumen sedemikian dan supaya mengemukakan salinan itu kepada Pendaftar mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar;
- (D) jika orang itu ialah seorang individu, supaya hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa

dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik, mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar;

- (E) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan atau badan awam, supaya menyebabkan seorang pegawai yang berwibawa dari pertubuhan perbadanan atau badan itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik, mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar; atau
- (F) jika orang itu ialah suatu perkongsian, supaya menyebabkan seorang individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau seorang pekerja perkongsian itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik, mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar.

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki supaya memberikan maklumat atau dokumen di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan bahawa maklumat atau dokumen yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu patut memberikan suatu representasi bagi maksud itu, termasuk suatu representasi bahawa dia tidak mengetahui tentang apa-apa maklumat atau dokumen lain yang mungkin menjadikan maklumat atau dokumen yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi perintah Pendaftar mengikut seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan

56. (1) Bagi maksud menentukan sama ada suatu perkongsian liabiliti terhadap, pekongsinya atau pegawai pematuhannya mematuhi Akta ini, Pendaftar hendaklah mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau bangunan dan boleh memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Pendaftar atau di bawah Akta ini untuk disimpan oleh perkongsian liabiliti terhadap itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Pendaftar boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana pekongsi atau pegawai pematuhan sesuatu perkongsian liabiliti terhadap atau mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang berada dalam jagaan atau di bawah kawalan pekongsi, pegawai pematuhan atau orang itu.

(3) Suatu perkongsian liabiliti terhadap atau mana-mana orang yang—

- (a) tidak mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar di bawah seksyen ini; atau
- (b) menghalang, menakut-nakutkan, mengganggu, mengacau atau menggagal Pendaftar semasa menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan.

Kuasa penyiasatan

57. (1) Pendaftar boleh menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

(2) Dalam apa-apa hal yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, Pendaftar yang menjalankan suatu penyiasatan boleh menjalankan kesemua atau mana-mana kuasa yang berhubung dengan penyiasatan polis, kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

58. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada Pendaftar dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, supaya apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penjalanan sesuatu penyiasatan mengenai suatu kesalahan boleh didapati di mana-mana premis, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada Pendaftar yang dinamakan dalam waran itu untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan dan di premis itu menggeledah dan menyita apa-apa keterangan atau benda sedemikian, dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua boleh memberi kuasa kepada mana-mana mahkamah selain Mahkamah untuk memberikan suatu waran untuk menggeledah bagi suatu barang pos, telegram atau dokumen lain yang berada dalam jagaan pihak berkuasa pos atau telegraf.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa pengeledahan dan penyitaan bagi—

- (a) salinan mana-mana buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, yang mengandungi atau dengan munasabah disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan; atau
- (b) apa-apa dokumen, kelengkapan, peralatan atau perkara lain yang dengan munasabah dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(3) Pendaftar yang menjalankan pengeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Pendaftar yang membuat pemeriksaan seseorang di bawah subseksyen (3) atau seksyen 59 boleh menyita, atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu, yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang baginya ada sebab untuk mempercayai merupakan peralatan atau keterangan lain bagi kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(6) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, Pendaftar hendaklah dengan apa-apa cara mengelak buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara lain itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau perkara yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

59. Jika Pendaftar berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 58 penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosak atau dimusnahkan, Pendaftar boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 58 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Capaian kepada data berkomputer

60. (1) Pendaftar yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah seksyen 58 atau 59 hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “capaian” —

- (a) termasuk diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami; dan
- (b) mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563].

Waran boleh diterima walaupun cacat

61. Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya.

Senarai benda yang disita

62. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda disita di bawah Bahagian ini, Pendaftar hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan suatu senarai benda yang disita dan mengenai tempat di mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu masing-masing dijumpai dan menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekerjanya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pendaftar hendaklah bilamana mungkin menampal senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Pelepasan benda yang disita

63. (1) Jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda telah disita di bawah Akta ini, Pendaftar yang membuat penyitaan itu, boleh pada bila-bila masa selepas itu melepaskan kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod,

akaun, dokumen atau benda itu kepada orang yang diputuskan olehnya sebagai berhak secara sah kepada kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu jika dia berpuas hati bahawa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan dalam hal sedemikian Pendaftar atau Kerajaan Persekutuan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pendaftar atau Kerajaan tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh Pendaftar yang membuat pelepasan mana-mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu dan dia hendaklah menghantarkan suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dan kepada Ketua Polis Negara dalam masa tujuh hari dari pelepasan itu.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

64. (1) Pendaftar yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapat Pendaftar mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

65. (1) Pendaftar yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh Pendaftar, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(4) Pendaftar yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

(a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan

(b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

(6) Jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau melekatkan cap ibu jarinya pada pernyataan itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (5), Pendaftar hendaklah mengendors pada pernyataan itu di bawah tandatangannya hakikat tentang keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

66. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu ditangkap dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan

sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar oleh Pendaftar atau orang lain, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan—

- (a) jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh suatu dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seorang yang berkuasa dan cukup pada pendapat mahkamah untuk memberikan orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menyangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya; atau
- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas dia ditangkap, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dalam perkataan yang berikut atau perkataan yang serupa maksudnya:

“Menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada anda bahawa anda tidaklah diwajibkan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada dalam menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada masa untuk memberi amaran kepadanya tidaklah menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia telah diberi amaran dengan secepat yang mungkin selepas itu.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas apa-apa amaran yang disebut dalam perenggan (2)(b) telah diberikan kepadanya.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

67. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu telah dibuat tanpa sebab yang munasabah.

BAHAGIAN IX**AM****Perakuan tahunan**

68. (1) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad hendaklah menyerahkan simpan dengan Pendaftar suatu perakuan, yang mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Pendaftar dan disertai dengan apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dimasukkan dalam perakuan itu, oleh mana-mana dua orang pekongsinya bahawa pada pendapat mereka, perkongsian liabiliti terhad itu—

- (a) didapati setakat tarikh itu boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan; atau
- (b) didapati setakat tarikh itu tidak boleh membayar hutangnya apabila hutang itu kena dibayar dalam perjalanan biasa perniagaan.

(2) Perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diserahkan simpan secara tahunan dalam masa sembilan puluh hari dari berakhirnya tahun kewangan perkongsian liabiliti terhad itu.

(3) Dalam hal perakuan tahunan yang pertama, perakuan itu hendaklah diserahkan simpan tidak lewat dari lapan belas bulan dari tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3), Pendaftar boleh, apabila dipohon oleh suatu perkongsian liabiliti terhad dan jika difikirkan wajar oleh Pendaftar, memberi suatu lanjutan masa bagi penyerahsimpanan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1).

(5) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad tidak menyerah simpan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) dalam tempoh masa atau lanjutan masa yang disebut dalam subseksyen (2), (3) atau (4), mengikut mana-mana yang berkenaan, perkongsian liabiliti terhad itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(6) Mana-mana orang yang membuat perakuan yang disebut dalam perenggan (1)(a) tanpa mempunyai alasan yang munasabah bagi pendapatnya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(7) Mana-mana orang yang, berkaitan dengan suatu perakuan yang dibuat di bawah seksyen ini, membuat suatu pernyataan atau memberi maklumat, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material, apabila dia mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa pernyataan atau maklumat itu adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(8) Jika kesalahan di bawah subseksyen (5), (6) atau (7) dilakukan dengan niat untuk memfraud pemiutang perkongsian liabiliti terhad itu atau bagi maksud fraud, orang itu boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya.

Rekod perakaunan dan rekod lain hendaklah disimpan

69. (1) Tiap-tiap perkongsian liabiliti terhad hendaklah menyimpan apa-apa rekod perakaunan dan rekod lain yang mencukupi untuk menjelaskan transaksi dan kedudukan kewangan perkongsian liabiliti terhad itu dan membolehkan akaun untung dan rugi dan kunci kira-kira disediakan dari semasa ke semasa yang memberikan gambaran yang benar dan adil tentang hal-ehwal perkongsian liabiliti terhad itu.

(2) Perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang disebut dalam subseksyen (1) bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun dari berakhirnya tahun kewangan yang dalamnya transaksi atau operasi yang rekod adalah berhubungan dengannya itu diselesaikan.

(3) Rekod perakaunan dan rekod lain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disimpan di pejabat berdaftar atau mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh pekongsi dengan syarat bahawa Pendaftar diberitahu dengan sewajarnya tentang tempat lain itu dan rekod perakaunan dan rekod lain itu hendaklah pada setiap masa dibuka untuk pemeriksaan oleh pekongsi-pekongsi.

(4) Pendaftar boleh, dengan notis bertulis kepada perkongsian liabiliti terhad atau mana-mana pekongsinya, menghendaki perkongsian liabiliti terhad itu atau pekongsi itu untuk mengemukakan rekod perakaunan dan rekod lain yang disebut dalam subseksyen (1) untuk pemeriksaannya dalam masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Tertakluk kepada perjanjian perkongsian liabiliti terhad, akaun bagi suatu perkongsian liabiliti terhad tidak dikehendaki untuk diaudit.

(6) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad tidak mematuhi subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhad itu dan tiap-tiap pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(7) Jika suatu perkongsian liabiliti terhad tidak mematuhi subseksyen (2) atau (3), perkongsian liabiliti terhad itu dan tiap-tiap pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan berterusan, di denda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(8) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Daftar

70. (1) Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, menyimpan apa-apa daftar yang difikirkannya perlu dalam apa-apa bentuk yang difikirkannya patut.

(2) Mana-mana orang boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar—

- (a) memeriksa apa-apa dokumen yang diserahkan dengan Pendaftar di bawah Akta ini; atau
- (b) menghendaki suatu salinan terperaku atau tidak terperaku, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen yang berhak untuk diperiksa oleh orang itu.

Pembetulan daftar

71. (1) Seseorang yang berkenaan dengannya suatu catatan dalam suatu daftar—

- (a) telah ditinggalkan;
- (b) tidak betul; atau
- (c) telah dimasukkan dengan silap,

boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembetulan daftar itu.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, Pendaftar boleh menghendaki pemohon itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat kepada Pendaftar yang difikirkan perlu oleh Pendaftar untuk membentuk suatu pendapat sama ada daftar itu hendaklah dibetulkan atau tidak.

(3) Pendaftar boleh menghendaki orang yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) untuk memberikan notis tentang permohonan itu kepada mana-mana orang lain yang dinyatakan oleh Pendaftar, yang merupakan seorang yang didapati oleh Pendaftar ada kena mengena atau mempunyai kepentingan dalam perniagaan itu.

(4) Pendaftar boleh, tanpa suatu permohonan dibuat di bawah subseksyen (1), membetulkan daftar jika, pada pandangannya, suatu catatan—

- (a) telah ditinggalkan;
- (b) tidak betul; atau
- (c) telah dimasukkan dengan silap.

(5) Walau apa pun subseksyen (1), Pendaftar boleh menolak apa-apa permohonan jika kesilapan, kekhilafan atau peninggalan itu tidak berbangkit dalam perjalanan biasa Pendaftar menunaikan kewajipan Pendaftar.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keengganan Pendaftar untuk membetulkan butir-butir perniagaannya dalam daftar boleh merayu dalam masa tiga puluh hari dari keputusan Pendaftar itu ke mahkamah yang boleh menentukan perkara itu.

(7) Apabila rayuan di bawah subseksyen (6) dibuat, mahkamah boleh—

- (a) menolak permohonan itu; atau
- (b) memerintahkan daftar itu dibetulkan dengan membuat suatu catatan, pengubahan atau pemotongan dalamnya.

(8) Apa-apa perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah seksyen ini hendaklah mengarahkan notis bagi perintah itu disampaikan kepada Pendaftar mengikut cara yang ditentukan oleh mahkamah dan Pendaftar hendaklah, apabila menerima notis itu, membetulkan daftar itu dengan sewajarnya.

(9) Walau apa pun apa-apa jua dalam seksyen ini, apabila seseorang mendapati bahawa mana-mana butir yang direkodkan dalam daftar mengandungi perkara yang palsu, fraud atau mengelirukan, orang itu boleh memohon kepada mahkamah dan mahkamah boleh, akibat daripada keterangan yang dikemukakan di hadapannya, memerintahkan Pendaftar untuk membetulkan daftar itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu dan Pendaftar, apabila menerima perintah itu, hendaklah membetulkan daftar itu dengan sewajarnya.

Penyerahsimpanan semula dokumen berdaftar yang hilang

72. (1) Jika Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu dokumen yang berhubung dengan suatu perkongsian liabiliti terhad yang diserahkan simpan di bawah Akta ini telah hilang atau musnah, dia boleh melalui notis bertulis mengarahkan perkongsian liabiliti terhad itu untuk menyerahkan semula dokumen itu mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Perkongsian liabiliti terhad itu atau mana-mana pegawai pematuhan perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas penyampaian notis di bawah subseksyen (1) atau apa-apa tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Pendaftar, mematuhi arahan Pendaftar itu.

(3) Pada dan dari tarikh penyerahsimpanan yang dibuat di bawah subseksyen (1), penyerahsimpanan dokumen itu hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sama seolah-olah penyerahsimpanan itu dibuat pada tarikh asal penyerahsimpanan itu.

(4) Tiada fi yang kena dibayar apabila dokumen diserahkan simpan di bawah seksyen ini.

(5) Jika sesuatu perkongsian liabiliti terhad tidak mematuhi arahan Pendaftar di bawah subseksyen (1), perkongsian liabiliti terhad itu dan pegawai pematuhan melakukan suatu kesalahan.

Perkhidmatan penyerahsimpanan elektronik bagi dokumen

73. (1) Pendaftar boleh memberikan suatu perkhidmatan penyerahsimpanan elektronik bagi dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini untuk diserahkan simpan dengan Pendaftar.

(2) Sesuatu dokumen yang diserahkan simpan secara elektronik di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak bagi penyerahsimpanan jika dokumen itu dihubungkan atau dihantar kepada Pendaftar mengikut cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(3) Sesuatu dokumen yang dikehendaki supaya dicapkan, ditandatangani atau dimeterai hendaklah, jika dokumen itu diserahkan simpan secara elektronik, diperakukan sebagai salinan yang benar atau ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Pendaftar.

(4) Suatu salinan atau cabutan daripada mana-mana dokumen yang diserahkan secara elektronik dengan Pendaftar, atau yang dibekalkan atau dikeluarkan oleh Pendaftar, di bawah subseksyen (1) dan diperakukan sebagai salinan yang benar, atau cabutan daripada, apa-apa dokumen di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar hendaklah diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding.

(5) Jika sesuatu dokumen diserahkan secara elektronik dengan Pendaftar, Pendaftar atau ejen yang diberi kuasanya tidak bertanggung ke atas apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana orang oleh sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan daripada apa-apa jua sifat atau walau bagaimanapun berbangkit yang didapati dalam apa-apa dokumen yang diperolehi oleh mana-mana orang di bawah perkhidmatan yang disebut dalam subseksyen (1) jika kesilapan atau peninggalan itu telah dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian kewajipan Pendaftar atau ejennya yang diberi kuasa atau berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau pemberhentian perkhidmatan atau kerosakan peralatan yang digunakan bagi memberikan perkhidmatan itu.

Pengeluaran dokumen secara elektronik

74. Pendaftar boleh, dengan cara elektronik, mengeluarkan sesuatu dokumen yang dikehendaki untuk dikeluarkan olehnya di bawah Akta ini.

Maklumat yang diperakukan oleh Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan

75. Apa-apa maklumat yang dibekalkan oleh Pendaftar yang diperakukan di bawah tandatangan dan meterainya sebagai cabutan yang benar daripada apa-apa dokumen yang diserahkan atau dikemukakan kepada Pendaftar di bawah seksyen 73 atau dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 74 hendaklah diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding dan hendaklah dianggap, melainkan jika keterangan sebaliknya dibuktikan, sebagai cabutan yang benar daripada dokumen sedemikian.

Penyampaian dokumen kepada perkongsian liabiliti terhad

76. Suatu dokumen boleh disampaikan kepada perkongsian liabiliti terhad dengan meninggalkannya di atau menghantarkannya melalui pos ke pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad itu.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, nota amalan, dsb.

77. (1) Pendaftar boleh mengeluarkan apa-apa notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan yang difikirkannya sesuai di bawah apa-apa peruntukan Akta ini.

(2) Pendaftar boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(3) Seseorang yang baginya notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan yang disebut dalam subseksyen (1) terpakai, hendaklah melaksanakan notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan itu.

Kuasa untuk mengambil tindakan

78. (1) Seseorang yang—

(a) tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturannya; atau

(b) tidak mematuhi atau melaksanakan apa-apa notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan yang dikeluarkan oleh Pendaftar,

melakukan suatu kemungkiran.

(2) Jika seseorang telah melakukan suatu kemungkiran dan Pendaftar berpuas hati bahawa adalah bersesuaian dalam semua hal keadaan untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Pendaftar boleh mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

(a) mengarahkan orang yang mungkir itu untuk mematuhi atau melaksanakan peruntukan Akta, peraturan-peraturan, notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan itu;

- (b) mengenakan penalti pentadbiran, yang sepadan dengan beratnya kemungkiran itu, tetapi dalam apa jua keadaan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;
- (c) mencela orang yang mungkir itu; atau
- (d) mengarahkan orang yang mungkir itu untuk mengambil apa-apa langkah untuk meremеди kemungkiran itu atau mengurangkan kesan kemungkiran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang yang terkilan oleh kemungkiran itu.

(3) Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada orang yang mungkir tentang niatnya untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (2) dan hendaklah memberi orang yang mungkir itu peluang untuk didengar sebelum Pendaftar mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (2).

(4) Jika Pendaftar menganggap bahawa perkongsian liabiliti terhad itu atau mana-mana pekongsinya tidak mematuhi arahan yang diberikan di bawah perenggan (2)(a) atau (d), dia boleh memohon kepada mahkamah bagi satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang mengarahkan perkongsian liabiliti terhad itu atau pekongsinya untuk mematuhi arahan itu;
- (b) suatu perintah yang mengarahkan perkongsian liabiliti terhad itu atau pekongsinya untuk membayar apa-apa kos yang ditanggung oleh Pendaftar atau orang lain berhubung dengan pengeluaran arahan oleh Pendaftar atau kemungkiran Akta ini atau peraturan-peraturannya, notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan yang berkaitan dengan pengeluaran arahan itu; atau
- (c) apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

(5) Jika seseorang tidak membayar penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Pendaftar di bawah perenggan (2)(b), penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Pendaftar itu boleh dibawa guaman dan didapatkan sebagai hutang sivil yang kena bayar kepada Pendaftar.

(6) Bagi maksud perenggan (2)(d), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi hendaklah dibuat oleh orang yang mungkir, Pendaftar hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang mungkir itu; atau
- (b) sama ada satu orang atau lebih telah mengalami kerugian atau selainnya terjejas akibat kemungkiran itu.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini menjejaskan operasi mana-mana seksyen yang mengenakan penalti ke atas perkongsian liabiliti terhad atau pekongsinya berkenaan dengan apa-apa kegagalan di bawah subseksyen (1), atau apa-apa kuasa yang dimiliki oleh Pendaftar atau orang lain atau mahkamah di bawah Akta ini.

Fi

79. Pendaftar boleh mengenakan suatu fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan olehnya selain menurut suatu obligasi yang dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini.

Kesalahan bagi pernyataan palsu dan mengelirukan

80. (1) Seseorang yang dalam tiap-tiap penyata, perisytiharan, laporan, perakuan, kunci kira-kira atau dokumen lain yang dikehendaki oleh atau bagi maksud Akta ini membuat atau membenarkan untuk dibuat suatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir-butir material dengan mengetahui pernyataan itu adalah palsu atau mengelirukan atau dengan sengaja meninggalkan atau membenarkan peninggalan atau penambahan bagi apa-apa perkara atau benda yang menjadikan dokumen itu mengelirukan tentang sesuatu perkara matan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak kurang daripada satu ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang dalam suatu mesyuarat mengundi yang memihak kepada pembuatan suatu pernyataan yang disebut dalam subseksyen itu dengan mengetahui pernyataan itu adalah palsu, dia hendaklah disifatkan telah membenarkan pernyataan itu dibuat.

Kesalahan bagi penggunaan tidak wajar perkataan “Perkongasian Liabiliti Terhad”

81. Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang baginya “Perkongasian Liabiliti Terhad” atau singkatan “PLT” ialah perkataan atau singkatan terakhir orang itu, melainkan jika perniagaan itu didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

82. Mana-mana orang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar keluar dari Malaysia,

apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer, benda atau perkara yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Pendaftar melakukan suatu kesalahan.

Halangan

83. Seseorang yang—

- (a) enggan memberi Pendaftar akses kepada mana-mana premis yang Pendaftar berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) mengamang, menghalang, menggagalkan atau melengahkan Pendaftar dalam membuat apa-apa kemasukan yang Pendaftar berhak untuk membuatnya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau

- (c) enggan memberi Pendaftar apa-apa maklumat yang berhubungan dengan suatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh dikehendaki daripadanya secara munasabah dan yang ada dalam pengetahuannya atau dalam kuasanya untuk diberi,

melakukan suatu kesalahan.

Pemberian maklumat

84. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa Pendaftar sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang atau akan dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada Pendaftar di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan daripada penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan bagi seorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjaannya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidak terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi suatu pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai autoriti yang sah atau alasan yang munasabah untuk membuat penzahiran itu.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

85. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pekongsi, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelak pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja kepada ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam perjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja kepada ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

Penalti am

86. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

87. (1) Pendaftar boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pendaftar suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Pendaftar, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

(5) Segala wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Permulaan pendakwaan

88. Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

89. Tiada tindakan boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

(a) Pendaftar, atau ejen atau pekerja Suruhanjaya; dan

(b) mana-mana orang lain bagi atau kerana atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau berupa sebagai dilakukan oleh orang itu di bawah perintah, arahan atau petunjuk Pendaftar, atau ejen atau pekerja Suruhanjaya,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah bahawa ia adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Perlindungan kepada pekongsi, pegawai atau pekerja tertentu yang membuat penzahiran

90. (1) Jika seseorang pekongsi, pegawai atau pekerja sesuatu perkongsian liabiliti terhad semasa melaksanakan kewajipannya mempercayai dengan munasabah tentang apa-apa perkara yang boleh atau akan menjadi suatu kemungkiran atau ketidakpatuhan terhadap peruntukan Akta ini atau perundangan subsidiarinya, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan serius yang melibatkan fraud dan ketidakjujuran telah, sedang atau mungkin dilakukan terhadap perkongsian liabiliti terhad itu atau Akta ini oleh mana-mana pekongsi atau pegawai perkongsian liabiliti terhad itu, pekongsi, pegawai atau pekerja itu boleh melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Pendaftar.

(2) Tiada pekongsi, pegawai atau pekerja perkongsian liabiliti terhad itu boleh diberhentikan, diturunkan pangkat, digantung kerja, diancam atau diganggu atau dengan apa-apa cara lain didiskriminasikan terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian perkongsian liabiliti terhad, kontrak pekerjaan atau instrumen lain disebabkan oleh laporan yang dikemukakan olehnya di bawah subseksyen (1).

(3) Tiada pekongsi, pegawai atau pekerja perkongsian liabiliti terhad boleh dibawa guaman terhadapnya di mana-mana mahkamah atau tertakluk kepada mana-mana proses tribunal, termasuk tindakan disiplin bagi apa-apa laporan yang dikemukakan olehnya di bawah subseksyen (1) dengan syarat bahawa laporan itu dibuat dengan suci hati.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “suatu kesalahan serius yang melibatkan fraud dan ketidakjujuran” ertinya suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun; dan

(b) “pegawai” ertinya—

(i) seorang pegawai pematuhan; dan

(ii) seorang penerima atau pengurus bagi mana-mana bahagian perusahaan perkongsian liabiliti terhad itu yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana instrumen.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

91. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan—

- (a) kewajipan dan fungsi Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja lain yang dilantik untuk membantu pentadbiran Akta ini;
- (b) fi untuk dibayar kepada Pendaftar berkenaan dengan apa-apa obligasi di bawah Akta ini;
- (c) cara bagaimana Pendaftar boleh menguruskan harta yang terletak hak padanya di bawah seksyen 54; dan
- (d) segala perkara atau benda yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta ini untuk ditetapkan atau diperuntukkan bagi menjalankan atau melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini.

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar perundangan subsidiari itu menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan penalti denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk meminda Jadual

92. Menteri boleh, melalui perintah, yang disiarkan dalam *Warta* mengubah, memotong, menambah, menggantikan atau selainnya meminda Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

AMALAN PROFESIONAL

Amalan profesional	Undang-undang yang mentadbir	Badan pentadbir
1. Akauntan bertauliah	Akta Akauntan 1967 [Akta 94]	Institut Akauntan Malaysia

Amalan profesional	Undang-undang yang mentadbir	Badan pentadbir
2. Peguam bela dan peguam cara	(i) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [<i>Akta 166</i>] (ii) Ordinan Peguam Bela Sabah [<i>Sabah Bab 2</i>] (iii) Ordinan Peguam Bela Sarawak [<i>Sarawak Bab 110</i>]	(i) Majlis Peguam Malaysia (ii) P e r s a t u a n U n d a n g - Undang Sabah (iii) P e r s a t u a n Peguambela-Peguambela Sarawak
3. Setiausaha	Akta Syarikat 1965 [<i>Akta 125</i>]	-Tiada-

JADUAL KEDUA

[Seksyen 9]

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

1. Hak dan kewajipan bersama pekongsi-pekongsi dan hak dan kewajipan bersama sesuatu perkongsian liabiliti terhad dan pekongsi-pekongsi-nya hendaklah ditentukan, tertakluk kepada terma mana-mana perjanjian perkongsian liabiliti terhad, oleh peruntukan dalam Jadual ini.
2. Semua pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad berhak untuk berkongsi dengan sama rata modal dan keuntungan perkongsian liabiliti terhad itu.
3. Perkongsian liabiliti terhad itu mestilah menanggung rugi setiap pekongsi berkenaan dengan pembayaran yang dibuat dan liabiliti peribadi yang ditanggung oleh pekongsi itu—
 - (a) dalam perjalanan biasa dan wajar perniagaan perkongsian liabiliti terhad itu; dan
 - (b) dalam atau tentang apa-apa jua yang dilakukan dengan perlu bagi pemeliharaan perniagaan atau harta perkongsian liabiliti terhad itu.
4. Tiap-tiap pekongsi boleh mengambil bahagian dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu.

5. Tiada pekongsi berhak kepada saraan kerana bertindak dalam perniagaan atau pengurusan perkongsian liabiliti terhad itu.
6. Tiada seorang pun boleh dimasukkan sebagai pekongsi tanpa persetujuan kesemua pekongsi yang sedia ada.
7. Tiada seorang pun boleh menyerah hak kesemua atau sebahagian daripada kepentingannya dalam perkongsian liabiliti terhad itu tanpa persetujuan kesemua pekongsi yang sedia ada.
8. Apa-apa perkara atau isu yang berhubungan dengan perkongsian liabiliti terhad itu hendaklah diputuskan melalui ketetapan yang diluluskan oleh majoriti bilangan pekongsi, dan bagi maksud ini, setiap pekongsi hendaklah mempunyai satu undi.
9. Setiap pekongsi hendaklah memberikan penjelasan yang benar dan maklumat lengkap bagi semua perkara yang menyentuh perkongsian liabiliti terhad itu kepada mana-mana pekongsi lain atau wakil di sisi undang-undang pekongsi lain itu.
10. Jika seseorang pekongsi, tanpa persetujuan perkongsian liabiliti terhad itu, menjalankan apa-apa perniagaan yang sama jenis seperti dan bersaing dengan perkongsian liabiliti terhad itu, pekongsi itu mestilah menjelaskan dan membayar kepada perkongsian liabiliti terhad itu semua keuntungan yang dibuat oleh pekongsi itu dalam perniagaan itu.
11. Tiap-tiap pekongsi mestilah menjelaskan kepada perkongsian liabiliti terhad itu bagi apa-apa faedah yang diperolehi oleh pekongsi itu tanpa persetujuan perkongsian liabiliti terhad itu daripada apa-apa transaksi yang berkenaan dengan perkongsian liabiliti terhad itu, atau daripada apa-apa kegunaan oleh pekongsi itu daripada harta, nama atau apa-apa hubungan perniagaan perkongsian liabiliti terhad itu.
12. Tiada majoriti pekongsi boleh memecat mana-mana pekongsi melainkan jika kuasa untuk berbuat demikian telah diberikan oleh perjanjian secara nyata antara pekongsi-pekongsi.

JADUAL KETIGA

[Seksyen 44]

Sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing tidak boleh dianggap menjalankan suatu perniagaan di Malaysia hanya atas sebab bahawa di Malaysia ia—

- (a) merupakan atau menjadi suatu pihak kepada apa-apa tindakan atau guaman atau apa-apa prosiding pentadbiran atau timbang tara atau melaksanakan penyelesaian bagi sesuatu tindakan, guaman atau prosiding atau bagi apa-apa tuntutan atau pertikaian;
- (b) mengadakan mesyuarat atau menjalankan aktiviti lain berkenaan dengan hal ehwal dalamnya;

- (c) menyenggarakan apa-apa akaun bank;
- (d) melaksanakan apa-apa jualan melalui seorang kontraktor bebas;
- (e) cuba mendapatkan atau memperoleh apa-apa pesanan yang menjadi suatu kontrak yang mengikat hanya jika pesanan itu diterima di luar Malaysia;
- (f) mewujudkan keterangan tentang apa-apa hutang atau mewujudkan suatu gadaian ke atas harta alih atau tak alih;
- (g) mendapatkan atau memungut mana-mana hutangnya atau menguatkuasakan haknya berkenaan dengan apa-apa sekuriti yang berhubungan dengan hutang itu;
- (h) menjalankan suatu transaksi terpencil yang diselesaikan dalam masa tiga puluh satu hari, tetapi bukan merupakan satu daripada sebilangan transaksi yang serupa dari semasa ke semasa;
- (i) melaburkan apa-apa dananya atau memegang harta; atau
- (j) mengimport barang-barang hanya sementara menurut Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] bagi maksud pameran, pertunjukan, demonstrasi atau sebagai sampel perdagangan dengan tujuan untuk pengeksporan semula selepas itu dalam tempoh tiga bulan atau dalam apa-apa tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kastam dan Eksais mengikut budi bicaranya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran perkongsian liabiliti terhad dan bagi perkara yang berkaitan.

BAHAGIAN I

- 2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
- 3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk membolehkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

- 5. Bahagian II memperkatakan asas bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad.

6. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan merupakan suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada pekongsinya.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk memperuntukkan ketidakpakaian Akta Perkongsian 1961 dan rukun ekuiti dan *common law* bagi suatu perkongsian liabiliti terhad.

BAHAGIAN III

8. Bahagian III memperkatakan peruntukan tentang penubuhan dan pendaftaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad.

9. *Fasal 5* bertujuan untuk menamakan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai Pendaftar Perkongsian Liabiliti Terhad.

10. *Fasal 6* bertujuan untuk memperuntukkan penubuhan suatu perkongsian liabiliti terhad oleh dua orang atau lebih yang bersekutu bagi menjalankan apa-apa perniagaan yang sah dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan mengikut terma-terma perjanjian perkongsian liabiliti terhad itu. Walau bagaimanapun, *fasal* ini adalah tertakluk kepada *fasal 7* dan *8*.

11. *Subfasal 7(1)* bertujuan untuk membenarkan suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menjalankan perniagaan dengan kurang daripada dua orang pekongsi bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atau tempoh yang lebih lama yang ditentukan oleh Pendaftar yang tidak melebihi satu tahun. *Subfasal 7(3)* menjadikannya suatu kesalahan bagi suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menjalankan perniagaan yang berlawanan dengan *subfasal 7(1)* dan mahkamah boleh, apabila disabitkan, memerintahkan perkongsian liabiliti terhad itu dibubarkan dan namanya dipotong daripada daftar.

12. *Fasal 8* membenarkan suatu perkongsian liabiliti terhad untuk ditubuhkan bagi maksud menjalankan suatu amalan profesional yang pekongsinya hendaklah terdiri daripada orang sebenar yang mengamalkan amalan profesional yang sama dan mempunyai perlindungan insurans tanggung rugi profesional yang berkuat kuasa.

13. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa hak dan kewajipan bersama pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad, dan hak dan kewajipan bersama suatu perkongsian liabiliti terhad dan pekongsinya hendaklah ditentukan oleh perjanjian perkongsian liabiliti terhad dan jika tiada apa-apa perjanjian mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, Jadual Kedua hendaklah terpakai.

14. *Fasal 10, 11* dan *12* bertujuan untuk memperuntukkan tatacara terperinci berkenaan dengan permohonan bagi pendaftaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad dan kuasa Pendaftar untuk mendaftarkan dan enggan mendaftarkan perkongsian liabiliti terhad itu di bawah Akta yang dicadangkan.

15. *Fasal 13, 14* dan *15* bertujuan untuk memperuntukkan kehendak berhubung dengan nama sesuatu perkongsian liabiliti terhad, penempahan nama bagi perkongsian liabiliti terhad itu dan pertukaran nama itu.

16. *Fasal 16* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menukarkan namanya dalam hal keadaan tertentu.
17. *Fasal 17* bertujuan untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad memberitahu Pendaftar tentang apa-apa perubahan yang dibuat ke atas butir-butir yang didaftarkan.
18. *Fasal 18* bertujuan untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menyenaraikan suatu pejabat berdaftar di Malaysia.
19. *Fasal 19* bertujuan untuk menyenaraikan dokumen yang hendaklah disenaraikan oleh perkongsian liabiliti terhad di pejabat berdaftar.
20. *Fasal 20* bertujuan untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad untuk mempamerkan nama dan nombor pendaftarannya di luar pejabat berdaftar dan tempat perniagaan tertakluk kepada pengecualian tertentu.

BAHAGIAN IV

21. Bahagian IV memperkatakan pengurusan sesuatu perkongsian liabiliti terhad.
22. *Fasal 21* memperuntukkan liabiliti terhad bagi pekongsi dalam sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang mana pekongsi tidak bertanggung sendiri bagi apa-apa obligasi perkongsian liabiliti terhad itu yang berbangkit daripada kontrak, tort atau selainnya semata-mata disebabkan menjadi seorang pekongsi perkongsian liabiliti terhad itu.
23. *Fasal 22* memperuntukkan bahawa seseorang pekongsi atau bekas pekongsi perkongsian liabiliti terhad yang menerima suatu pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad itu apabila perkongsian liabiliti terhad itu tidak solven hendaklah bertanggung sendiri ke atas perkongsian liabiliti terhad itu bagi amaun atau nilai pembahagian itu jika pembahagian itu diterima dalam tempoh dua tahun sebelum permulaan penggulungan perkongsian liabiliti terhad itu.
24. *Fasal 23* memperkatakan kuasa seseorang pekongsi, sebagai ejen suatu perkongsian liabiliti terhad, untuk mengikat perkongsian itu bagi perbuatan pekongsi itu atas sifat pekongsi itu sebagai seorang pekongsi tertakluk kepada pengecualian tertentu.
25. *Fasal 24* memperkatakan pemberhentian seseorang pekongsi daripada perkongsian liabiliti terhad dan kesan pemberhentian itu.
26. *Fasal 25* bertujuan untuk memperuntukkan kesan kebangkrapan ke atas pekongsi sesuatu perkongsian liabiliti terhad.
27. *Fasal 26* memperkatakan tentang penyerahhakan kepentingan seseorang pekongsi dalam pembahagian daripada perkongsian liabiliti terhad dan kesan penyerahhakan itu.

28. *Subfasal 27(1)* menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad untuk melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai pematuhan daripada kalangan pekongsinya atau orang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965. *Subfasal 27(6)* memperuntukkan bahawa jika tiada pegawai pematuhan dilantik maka semua pekongsi hendaklah disifatkan sebagai pegawai pematuhan bagi perkongsian liabiliti terhad itu. *Subfasal 27(7)* memperuntukkan bahawa seorang pegawai pematuhan hendaklah bertanggungjawab bagi melakukan semua perbuatan, perkara atau benda yang dikehendaki dilakukan oleh perkongsian liabiliti terhad di bawah *fasal 17, 19 dan 20* dan hendaklah bertanggung sendiri bagi semua penalti yang dikenakan ke atas perkongsian liabiliti terhad itu bagi apa-apa pelanggaran terhadap *fasal-fasal* itu melainkan jika dia memuaskan hati mahkamah yang mendengar perkara itu bahawa dia tidak sepatutnya bertanggung sedemikian.

29. *Fasal 28* memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh bertindak sebagai pegawai pematuhan jika dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan atau hilang kelayakan untuk bertindak sebagai pengarah atau setiausaha di bawah Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN V

30. Bahagian V memperuntukkan penukaran sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada suatu perkongsian liabiliti terhad dan peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan penukaran itu.

31. *Fasal 29 dan 30* bertujuan untuk memperuntukkan penukaran sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada suatu perkongsian liabiliti terhad apabila kehendak tertentu dipenuhi.

32. *Fasal 31* bertujuan untuk menghendaki suatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian untuk menyerahkan simpan pernyataan tertentu dengan Pendaftar bagi maksud penukaran kepada suatu perkongsian liabiliti terhad.

33. *Fasal 32* memberi Pendaftar kuasa untuk mendaftarkan penukaran sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada suatu perkongsian liabiliti terhad, atau untuk menolak pendaftaran bagi penukaran sedemikian jika dia tidak berpuas hati dengan maklumat yang diberikan.

34. *Fasal 33* memperuntukkan kesan pendaftaran penukaran sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian kepada suatu perkongsian liabiliti terhad.

35. *Fasal 34, 35, 36, 37, 38, 39 dan 40* memperkatakan peruntukan peralihan yang berhubung dengan penukaran sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad.

36. *Fasal 40* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa *fasal 33* sehingga *39* tidak terpakai bagi apa-apa kelulusan, permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada perkongsian konvensional atau syarikat persendirian yang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh pendaftaran perkongsian liabiliti terhad itu.

37. *Fasal 41* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap perkongsi bagi sesuatu perkongsian konvensional yang telah bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad hendaklah terus bertanggung sendiri bagi liabiliti dan obligasi perkongsian liabiliti terhad itu yang ditanggung sebelum penukaran itu.

38. *Fasal 43* memperuntukkan bahawa semua buku statutori, daftar dan rekod lain yang dikehendaki untuk disenggarakan atau disimpan oleh suatu syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah dipindahkan hakmilik kepada perkongsian liabiliti terhad dan disimpan di pejabat berdaftaranya selama tujuh tahun dari tarikh pendaftaran.

BAHAGIAN VI

39. Bahagian VI memperkatakan pendaftaran dan pemberhentian perniagaan sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing di Malaysia dan pelikuidasian atau pembubaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau tempat asalnya.

40. *Fasal 44* menghendaki sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing didaftarkan sebelum menjalankan perniagaan di Malaysia. Suatu perkongsian liabiliti terhad asing tidak dianggap sebagai menjalankan perniagaan di Malaysia jika ia menjalankan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

41. *Subfasal 45(1)* menyenaraikan dokumen yang perlu diserahkan dengan Pendaftar bagi maksud pendaftaran perkongsian liabiliti terhad asing. *Subfasal 45(2)* membenarkan Pendaftar untuk mendaftarkan perkongsian liabiliti terhad asing jika kehendak tertentu dipenuhi.

42. *Fasal 46* memperkatakan kehendak bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad asing yang berhubungan dengan pegawai pematuhan, pejabat berdaftar, dokumen yang hendaklah disimpan dan perakuan tahunan.

43. *Fasal 47* bertujuan untuk menghendaki suatu perkongsian liabiliti terhad asing yang terhenti mempunyai tempat perniagaan atau menjalankan perniagaan di Malaysia untuk memberitahu Pendaftar tentang hakikat itu dan bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengeluarkan nama perkongsian liabiliti terhad asing itu daripada daftar.

44. *Fasal 48* memperkatakan tatacara terperinci bagi pelikuidasian atau pembubaran suatu perkongsian liabiliti terhad asing di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau tempat asalnya.

BAHAGIAN VII

45. Bahagian VII memperkatakan tatacara penggulungan, pembubaran dan pemotongan bagi suatu perkongsian liabiliti terhad.

46. *Fasal 49* memperkatakan tatacara penerimaan dan penggulungan bagi suatu perkongsian liabiliti terhad. Dalam hal penerimaan bagi suatu perkongsian liabiliti terhad, peruntukan Bahagian VIII (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai.

Bagi maksud penggulangan oleh Mahkamah, Penggal 2 dan 4 Bahagian X (setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan syarikat berhad menurut syer) Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulangan) 1972 hendaklah terpakai.

47. *Fasal 50* memperuntukkan tatacara yang hendaklah dipatuhi bagi penggulangan secara sukarela sesuatu perkongsian liabiliti terhad.

48. *Fasal 51* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk memotong nama suatu perkongsian liabiliti terhad daripada daftar dan untuk memperuntukkan tatacara bagi pemotongan nama.

49. *Fasal 52* memberi Mahkamah Tinggi kuasa untuk membuat perintah bagi membatalkan pembubaran sesuatu perkongsian liabiliti terhad jika kehendak tertentu dipenuhi.

50. *Fasal 53* bertujuan untuk membenarkan Pendaftar untuk mewakili suatu perkongsian liabiliti terhad yang telah dibubarkan di bawah *fasal 49, 50* atau *51*, atau pelikuidasinya untuk melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa tindakan pentadbiran untuk menjalankan, menyelesaikan atau melaksanakan apa-apa urusan, transaksi atau perkara yang perkongsian liabiliti terhad itu jika masih wujud adalah terikat di sisi undang-undang atau ekuiti.

51. *Fasal 54* memperkatakan harta yang berbaki bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad selepas ia dibubarkan di bawah *fasal 49, 50* atau *51* yang tidak dikumpulkan, direalisasikan atau selainnya dilupuskan atau diuruskan oleh perkongsian liabiliti terhad itu atau pelikuidasinya yang mana semua harta yang berbaki itu hendaklah terletak hak pada Pendaftar.

BAHAGIAN VIII

52. Bahagian VIII memperkatakan peruntukan penguatkuasaan.

53. *Fasal 55* bertujuan untuk membenarkan Pendaftar memerintahkan seseorang untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan, atau keterangan yang Pendaftar mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai adalah berkaitan, bagi maksud menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah Akta yang dicadangkan.

54. *Fasal 56* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mendapatkan akses kepada mana-mana tempat atau bangunan dan memeriksa dokumen bagi maksud menentukan pematuhan sesuatu perkongsian liabiliti terhad terhadap Akta yang dicadangkan.

55. *Fasal 57* memberi Pendaftar kuasa untuk menyiasat pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan atau perundangan subsidiarinya.

56. *Fasal 58* dan *59* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa pengeledahan dan penyitaan dengan waran dan pengeledahan dan penyitaan tanpa waran, masing-masing.

57. *Fasal 60* memperkatakan capaian kepada data berkomputer.
58. *Fasal 61* memperuntukkan bahawa waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta yang dicadangkan adalah sah dan berkuat kuasa walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalam waran itu atau dalam permohonan waran itu.
59. *Fasal 62* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas Pendaftar untuk menyediakan senarai benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan dan untuk menghantar senarai itu kepada penghuni premis.
60. *Fasal 63* memperkatakan tatacara bagi pelepasan benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.
61. *Fasal 64* bertujuan untuk membenarkan Pendaftar untuk memerintahkan kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.
62. *Fasal 65* memberikan kuasa kepada Pendaftar yang menyiasat suatu kes di bawah Akta yang dicadangkan untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes.
63. *Fasal 66* memperkatakan kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan.
64. *Fasal 67* memperkatakan kos dan ganti rugi yang timbul daripada penyitaan benda di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN IX

65. Bahagian IX memperkatakan peruntukan am.
66. *Fasal 68* memperkatakan perakuan yang dikehendaki diserahkan simpan secara tahunan oleh suatu perkongsian liabiliti terhad yang memperakui status kesolvenan perkongsian liabiliti terhad itu. Kegagalan untuk mematuhi kehendak ini merupakan suatu kesalahan.
67. *Fasal 69* bertujuan untuk mengawal selia penyimpanan dan pengauditan rekod perakaunan dan rekod lain bagi sesuatu perkongsian liabiliti terhad.
68. *Fasal 70* memperuntukkan bahawa Pendaftar mestilah menyenggarakan daftar yang difikirkannya perlu.
69. *Fasal 71* memperuntukkan tatacara bagi permohonan untuk membetulkan daftar dan kuasa Pendaftar untuk membetulkan daftar.
70. *Fasal 72* memberi Pendaftar kuasa untuk mengarahkan suatu perkongsian liabiliti terhad untuk menyerahkan semula dokumen yang telah hilang atau musnah dengan Pendaftar.
71. *Fasal 73* membenarkan Pendaftar untuk menyediakan suatu perkhidmatan penyerahsimpanan elektronik bagi dokumen yang dikehendaki oleh Akta yang dicadangkan untuk diserahkan simpan dengan Pendaftar.

72. *Fasal 74* memberi Pendaftar kuasa untuk mengeluarkan dokumen secara elektronik.

73. *Fasal 75* memperkatakan kebolehterimaan dokumen yang diperakukan oleh Pendaftar sebagai cabutan yang sebenar daripada dokumen yang diserahkan simpan dengan atau yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

74. *Fasal 76* bertujuan untuk memperuntukkan penyampaian dokumen kepada suatu perkongsian liabiliti terhad.

75. *Fasal 77* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengeluarkan notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan di bawah Akta yang dicadangkan.

76. *Fasal 78* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengambil pelbagai tindakan pentadbiran terhadap orang yang tidak mematuhi apa-apa peruntukan Akta yang dicadangkan atau perundangan subsidiarinya, notis, pekeliling, garis panduan atau nota amalan.

77. *Fasal 79* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengenakan apa-apa fi berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pendaftar di bawah Akta yang dicadangkan.

78. *Fasal 80* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk memberikan maklumat atau dokumen yang palsu atau mengelirukan kepada Pendaftar.

79. *Fasal 81* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang baginya “Perkongsian Liabiliti Terhad” atau singkatan “PLT” merupakan perkataan atau singkatan akhir melainkan jika perniagaan itu didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta yang dicadangkan.

80. *Fasal 82* menjadikan suatu kesalahan untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan atau mengubah apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, dsb., dengan niat untuk memfraud Pendaftar.

81. *Fasal 83* menjadikan suatu kesalahan untuk menghalang Pendaftar yang menjalankan suatu penggeledahan dengan enggan memberikan akses kepada premis, mengamang, menghalang, menggagal atau melengahkan Pendaftar dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan, atau enggan mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubung dengan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

82. *Fasal 84* bertujuan untuk memperuntukkan suatu kesalahan bagi menzahirkan maklumat kepada mana-mana orang lain yang berkemungkinan akan menjejaskan suatu penyiasatan di bawah Akta yang dicadangkan.

83. *Fasal 85* bertujuan untuk memperuntukkan liabiliti pengarah, pekongsi, pengurus, dll., atau pegawai seumpamanya yang lain dalam suatu pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu.

84. *Fasal 86* bertujuan untuk mengenakan penalti am denda yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan yang tiada penalti diberikan secara nyata.

85. *Fasal 87* bertujuan untuk memberi Pendaftar kuasa untuk mengkompaun apa-apa kesalahan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

86. *Fasal 88* memperuntukkan bahawa pendakwaan sesuatu kesalahan tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

87. *Fasal 89* memperuntukkan perlindungan bagi Pendaftar, atau ejen atau pekerja Suruhanjaya yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta yang dicadangkan daripada tindakan guaman jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati.

88. *Fasal 90* memperuntukkan perlindungan bagi pekongsi, pegawai atau pekerja sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang melaporkan kepada Pendaftar berkenaan dengan perkara tertentu yang berhubung dengan perkongsian liabiliti terhad itu.

89. *Fasal 91* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan untuk memperuntukkan penalti denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar perundangan subsidiari itu.

90. *Fasal 92* memberi Menteri kuasa untuk mengubah, memotong, menambah, menggantikan atau selainnya meminda Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2770]